# PERKEMBANGAN EKONOMI DAN KEWANGAN DI MALAYSIA PADA SUKU KEDUA 2016

## TINJAUAN KESELURUHAN

Pada suku kedua 2016, ekonomi global berkembang pada kadar yang lebih sederhana, dengan momentum pertumbuhan yang tidak sekata di seluruh ekonomi dunia. Pertumbuhan ekonomi maju kekal sederhana dalam keadaan kitaran dan struktur ekonomi yang terus lemah. Di Asia, permintaan dalam negeri terus menyokong pengembangan ekonomi, namun prestasi eksport yang berterusan lemah telah memberikan kesan terhadap pertumbuhan. Walaupun impak awal daripada keputusan pungutan suara (referendum) di United Kingdom berkaitan dengan Kesatuan Eropah (EU) mewujudkan ketidakpastian dan penghindaran risiko yang tinggi, turun naik pasaran kewangan sejak itu telah berkurang. Di tengah-tengah kebimbangan yang berterusan terhadap pertumbuhan dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau meneruskan pelonggaran dasar monetari untuk menyokong aktiviti ekonomi.

### Ekonomi Malaysia berkembang 4.0% pada suku kedua 2016

Ekonomi Malaysia mencatat pertumbuhan sebanyak 4.0% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 4.2%). Meskipun permintaan dalam negeri meningkat dengan lebih kukuh, pertumbuhan telah menerima kesan daripada eksport bersih yang terus merosot dan pengeluaran stok yang tinggi. Dari segi penawaran, pertumbuhan terus dipacu oleh sektor ekonomi utama. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 0.7% (S1 2016: 1.0%).

**Ekonomi berkembang 4.0% pada suku tahun kedua** (pada harga malar tahun 2010)




Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

Aktiviti sektor swasta terus menjadi pemacu utama pertumbuhan dengan kadar pengembangan lebih cepat sebanyak 6.1% pada suku kedua (S1 2016: 4.5%). Penggunaan swasta meningkat 6.3% (S1 2016: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan upah dan guna tenaga yang berterusan serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada pelaksanaan langkah-langkah Kerajaan. Pelaburan swasta berkembang dengan lebih pantas pada kadar 5.6% (S1 2016: 2.2%), didorong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Pertumbuhan pelaburan awam kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 7.5% (S1 2016: -4.5%), disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perbadanan awam. Pertumbuhan penggunaan awam juga bertambah baik pada suku kedua kepada 6.5% (S1 2016: 3.8%) disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk bekalan dan perkhidmatan.

Dari segi penawaran, semua sektor ekonomi terus berkembang, kecuali sektor pertanian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih tinggi disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh, manakala bagi sektor perkilangan, disumbangkan oleh kelompok elektronik dan elektrik. Pertumbuhan sektor pembinaan yang lebih kukuh didorong terutamanya oleh subsektor kejuruteraan awam. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik disebabkan terutamanya oleh pengeluaran minyak mentah dan gas asli yang lebih tinggi pada suku tersebut. Pertumbuhan sektor pertanian merosot akibat kesan tertangguh El Niño ke atas pengeluaran minyak sawit mentah.

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.9% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.4%), disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada bulan April 2015. Kesemua dua belas kategori IHP mencatat kemerosotan inflasi.

Lebihan perdagangan berjumlah RM17.9 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM23.9 bilion). Pertumbuhan eksport kasar lebih tinggi pada 1.4% (S1 2016: 1.0%), didorong terutamanya oleh kadar penguncupan eksport komoditi yang lebih kecil yang telah mengimbangi pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih perlahan. Import kasar mencatat pertumbuhan positif 3.1% (S1 2016: -0.4%), mencerminkan terutamanya import barangan modal yang lebih tinggi dan pertumbuhan import barangan penggunaan yang berterusan.

Pada suku kedua 2016, lebihan akaun semasa menurun kepada RM1.9 bilion, bersamaan dengan 0.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (S1 2016: RM5.0 bilion atau 1.8% daripada PNK). Lebihan akaun semasa yang lebih rendah ini adalah disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang lebih kecil, pendapatan pelaburan lebih tinggi yang diterima pelabur asing di Malaysia dan pengiriman wang keluar yang berterusan oleh pekerja asing di Malaysia.

Rizab antarabangsa BNM meningkat kepada RM390.4 bilion (bersamaan dengan USD97.2 bilion) pada 30 Jun 2016 (akhir bulan Mac: RM381.5 bilion; USD97.0 bilion). Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing. Pada 29 Julai 2016, rizab berjumlah RM391.1 bilion (bersamaan dengan USD97.3 bilion). Paras rizab antarabangsa ini kekal lebih daripada mencukupi untuk membantu transaksi antarabangsa. Paras rizab ini memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, yang nyata jauh lebih tinggi daripada paras ambang antarabangsa 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

## Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku kedua 2016. Kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat koridor OPR, manakala kadar pasaran antara bank jangka pendek lain dengan tempoh matang sehingga 1 bulan kekal stabil. Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (Kuala Lumpur Interbank Offered Rates, KLIBOR) terus menjadi sederhana berikutan berkurangnya keperluan pendanaan jangka panjang oleh peserta antara bank, manakala kadar asas (Base Rate, BR) purata bank perdagangan secara relatif stabil pada 3.83% (S1 2016: 3.79%).

Pada 13 Julai 2016, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Pelarasan terhadap OPR ini bertujuan untuk menyesuaikan tahap akomodatif dasar monetari agar terus konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan kadar inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Keadaan ini berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Berikutan penurunan OPR, KLIBOR 3 bulan menyusut 25 mata asas daripada 3.65% kepada 3.40%. Pada akhir bulan Julai, BR purata wajaran bank perdagangan menurun sebanyak 21 mata asas kepada 3.62% (akhir bulan Jun: 3.83%), dengan kebanyakan bank menurunkan BR antara 20 hingga 25 mata asas. Oleh itu, kadar deposit tetap secara purata merosot sebanyak 18 mata asas untuk tempoh matang 1 tahun atau kurang.

Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM7.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 1.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 0.9%). Peningkatan M3 pada suku tersebut didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di BNM kekal lebih daripada mencukupi dan secara relatif stabil pada suku kedua.

Jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), dan pasaran modal berjumlah RM292.1 bilion (S1 2016: RM290.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP serta terbitan bon korporat terkumpul berkembang 6.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 7.5%). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat lebih perlahan pada 3.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 4.9%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding pengeluaran pinjaman. Pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 6.2% pada asas tahunan pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pinjaman terkumpul yang lebih sederhana untuk *pembelian harta bukan kediaman*, *pembelian kereta penumpang*, dan *pembelian harta kediaman*. Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.4 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM25.4 bilion) dengan sebahagian besar daripada dana diperoleh sektor awam.

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua disebabkan oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS. Walau bagaimanapun, ringgit menghadapi tekanan susut nilai yang lebih besar disebabkan turun naik harga minyak mentah dunia yang berterusan dan wajaran lebih rendah yang diberikan kepada beberapa saham Malaysia semasa proses pengimbangan semula Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun. Namun, sebahagian daripada penyusutan nilai ini telah diimbangi pada bulan Jun berikutan timbul semula jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah AS akan ditangguhkan berikutan pengumuman data pasaran guna tenaga AS yang lebih lemah daripada jangkaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.6%) dan yen Jepun (-10.9%), namun menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.3%) dan dolar Australia (0.4%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 0.4% hingga 3.2%.

## Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Kestabilan kewangan domestik berterusan meskipun terdapat ketidaktentuan global yang berpunca terutamanya daripada perkembangan di RR China dan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK. Di dalam negara, kesan langsung daripada keputusan referendum tersebut ke atas institusi kewangan adalah kecil memandangkan dedahan yang terhad terhadap UK. Turun naik pasaran kewangan domestik meningkat pada 24 Jun 2016, namun kembali reda untuk mengakhiri suku tersebut pada paras di bawah paras yang dicatat pada suku pertama. Secara keseluruhan, keadaan mudah tunai terus menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Sementara perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran yang lebih mencabar dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka memberikan impak yang kecil ke atas pendapatan dan kualiti aset institusi kewangan. Dengan adanya sokongan penampan modal yang kukuh, institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi dan pasaran yang buruk tanpa menjejaskan pengantaraan kewangan domestik.

Tahap permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 (common equity tier 1 capital) adalah pada 12.9%, manakala nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing pada 13.9% dan 16.4%. Lebih 90% daripada modal sistem perbankan terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab dengan keupayaan teguh untuk menyerap kerugian. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful kekal tinggi pada 228.1% (S1 2016: 242.6%). Pada akhir suku kedua, penampan modal institusi kewangan yang digabungkan berjumlah RM153.8 bilion.

## Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan

Melangkah ke hadapan, aktiviti ekonomi global dijangka kekal lembap meskipun langkah pelonggaran dasar monetari dilaksanakan oleh banyak bank pusat negara maju dan serantau. Kadar pengembangan ekonomi maju dijangka terus sederhana manakala di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Turun naik pasaran kewangan yang berterusan, yang berpunca daripada kebimbangan yang meningkat terhadap pilihan raya presiden Amerika Syarikat dan risiko penularan politik yang meningkat berikutan keputusan referendum berkaitan dengan EU di United Kingdom boleh dengan nyata menjejaskan pasaran melalui aliran modal antarabangsa. Keadaan ekonomi global secara keseluruhannya telah menjadi semakin mencabar, dengan peningkatan risiko bahawa pertumbuhan akan menjadi lebih perlahan.

Pertumbuhan ekonomi Malaysia diunjurkan antara 4% hingga 4.5%. Permintaan dalam negeri akan terus menjadi pemacu utama pertumbuhan, disokong terutamanya oleh perbelanjaan sektor swasta. Penggunaan swasta dijangka terus berkembang, disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam upah dan guna tenaga serta pendapatan boleh guna tambahan hasil daripada langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan. Walaupun pertumbuhan pelaburan swasta telah menjadi sederhana disebabkan perbelanjaan modal yang lebih rendah dalam sektor minyak dan gas, pelaburan keseluruhan dijangka terus disokong oleh pelaksanaan projek-projek pembangunan infrastruktur serta perbelanjaan modal dalam sektor perkilangan dan perkhidmatan. Eksport dijangka kekal lemah ekoran permintaan global yang lembap. Secara keseluruhan, walaupun keadaan dalam negeri kekal berdaya tahan, ketidaktentuan dalam persekitaran luaran boleh meningkatkan risiko bahawa prospek pertumbuhan Malaysia akan menjadi lebih rendah.

# PERKEMBANGAN PADA SUKU KEDUA 2016

## PERSEKITARAN EKONOMI ANTARABANGSA

### Pertumbuhan global sederhana

Pada suku kedua 2016, ekonomi global berkembang pada kadar lebih sederhana dengan momentum pertumbuhan merentas ekonomi yang tidak sekata. Pertumbuhan dalam ekonomi maju kekal sederhana dalam keadaan kelemahan kitaran dan struktur yang berterusan. Di Asia, pertumbuhan ekonomi disokong oleh permintaan dalam negeri, tetapi dikekang oleh kelemahan yang berterusan dalam prestasi eksport. Meskipun kesan awal daripada keputusan referendum EU oleh UK menyebabkan ketidakpastian dan penghindaran risiko yang meningkat, ketidaktentuan pasaran kewangan kini telah reda. Berikutan pertumbuhan yang berterusan dan inflasi yang rendah, beberapa bank pusat utama dan serantau terus mengambil langkah pelonggaran untuk menyokong aktiviti ekonomi.

Keadaan pasaran kewangan antarabangsa semakin tidak menentu, khususnya pada bulan Jun. Pada separuh pertama suku kedua, pasaran ekuiti merosot berikutan pengumuman data ekonomi RR China yang lebih lemah dan penurunan harga minyak yang berterusan. Walau bagaimanapun, pasaran ekuiti utama dan serantau meningkat dari bulan Mei dan seterusnya, berikutan tanda-tanda awal kestabilan harga minyak dan keputusan Federal Reserve (Fed) untuk mengekalkan Kadar Dana Federal (Federal Funds Rate, FFR) pada mesyuarat Jawatankuasa Pasaran Terbuka Federal (Federal Open Market Committee, FOMC) pada bulan Jun. Namun, keputusan referendum EU oleh UK yang tidak diduga pada bulan Jun pada awalnya menyebabkan kejutan pasaran kewangan, apabila paun sterling menurun kepada paras paling rendah dalam tempoh 31 tahun berbanding dengan dolar AS. Dalam persekitaran penghindaran risiko yang meningkat ini, yen Jepun menambah nilai disebabkan aliran *safe haven*, manakala sebahagian besar mata wang serantau mengakhiri suku tahun lebih rendah berbanding dengan dolar AS. Ketidaktentuan pasaran kewangan berkurang pada minggu selepas referendum, apabila kebimbangan telah reda.

Harga minyak mentah Brent meningkat kepada purata USD47 setong (S1 2016: USD35 setong), paras tertinggi sejak suku ketiga 2015. Kenaikan harga pada amnya disokong oleh sentimen pasaran yang bertambah baik berikutan jangkaan mengenai jurang yang lebih kecil antara penawaran dengan permintaan minyak global. Yang ketara, kebimbangan terhadap keadaan lebihan bekalan global menjadi reda pada suku kedua berikutan satu siri gangguan bekalan berlaku dalam negara pengeluar minyak seperti Nigeria, Kanada, Iraq dan Libya, serta penyusutan inventori minyak mentah AS. Permintaan terhadap minyak global terus disokong oleh penggunaan minyak dalam ekonomi sedang pesat membangun, terutamanya RR China dan India. Walau bagaimanapun, menjelang penghujung suku tersebut, pergerakan harga menjadi amat tidak menentu, mencerminkan terutamanya perubahan permintaan dalam pasaran hadapan minyak. Dolar AS yang lebih lemah pada awal bulan Jun pada mulanya menaikkan harga minyak mentah Brent kepada paras tertinggi sejak pertengahan bulan Oktober 2015, iaitu pada USD52 setong pada 8 Jun. Selepas itu, ketidakpastian mengenai referendum EU oleh UK dan keputusannya yang tidak diduga menyebabkan harga minyak mentah Brent menurun. Walau bagaimanapun, apabila kebimbangan mengenai kesan keputusan tersebut berkurang, harga minyak meningkat kembali dan mengakhiri suku kedua pada USD50 setong.

Ekonomi Amerika Syarikat (AS) meningkat pada kadar lebih sederhana pada suku kedua (1.2%; S1 2016: 1.6%). Walau bagaimanapun, pada asas tahunan terlaras secara bermusim, momentum pertumbuhan meningkat kepada 1.2% (S1 2016: 0.8%). Aktiviti ekonomi

disokong oleh penggunaan swasta dalam keadaan pertumbuhan pendapatan boleh guna peribadi yang berterusan dan keadaan pasaran pekerja yang stabil. Sektor korporat masih menghadapi gangguan, terutamanya berikutan keuntungan korporat yang menurun. Selain itu, inventori dan eksport bersih merupakan penghalang yang lebih besar kepada pertumbuhan. Pada suku kedua, inflasi keseluruhan kekal stabil pada 1.1%, disebabkan terutamanya oleh kenaikan harga perkhidmatan tempat tinggal dan pengangkutan.

Berdasarkan anggaran awal, pertumbuhan di kawasan euro secara relatif mampan (1.6%; S1 2016: 1.7%) pada suku kedua, didorong terutamanya oleh aktiviti penggunaan dan pelaburan swasta. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, pertumbuhan menurun kepada 0.3% daripada 0.6% pada suku sebelumnya. Walaupun permintaan luar negeri meningkat sedikit (purata April - Mei 2016: 0.5%, S1 2016: -1.1%), permintaan kekal lemah berbanding dengan prestasi tahun sebelumnya (2015: 5.4%). Meskipun pendirian dasar monetari yang amat akomodatif, tekanan deflasi berterusan dan inflasi keseluruhan mencatat kemerosotan sebanyak 0.1% (S1 2016: +0.1%) manakala inflasi teras kekal rendah pada 0.8%.

Ekonomi UK berkembang pada kadar lebih cepat pada suku kedua (2.2%; S1 2016: 2.0%), apabila kelemahan dalam sektor pembinaan dan pertanian diimbangi oleh peningkatan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan. Namun, sentimen isi rumah dan perniagaan terus terjejas oleh ketidakpastian ekoran keputusan referendum EU oleh UK. Inflasi meningkat dengan sederhana kepada 0.3% (S1 2016: 0.4%).

Di Jepun, aktiviti ekonomi keseluruhan masih lemah. Pengeluaran perindustrian terus merosot (purata bulan April - Mei 2016: -1.9%, S1 2016: -3.2%), mencerminkan terutamanya penguncupan dalam subkomponen perkilangan, elekrik dan perlombongan. Eksport terus menguncup (-9.5%, S1 2016: -7.9%), disebabkan oleh permintaan lebih perlahan daripada rakan perdagangan utama. Di samping itu, perbelanjaan pengguna terus menguncup dalam keadaan pertumbuhan upah yang lebih perlahan sebanyak 1.2% (S1 2016: 1.4%). Inflasi keseluruhan (tidak termasuk makanan segar) terus menurun kepada -0.4% (S1 2016: -0.1%) manakala inflasi teras (tidak termasuk makanan dan tenaga) kekal sederhana pada 0.6% (S1 2016: 0.7%).

Pendirian dasar monetari dalam ekonomi maju secara keseluruhan kekal sangat akomodatif, apabila kebanyakan bank pusat meneruskan dasar monetari yang longgar. Berikutan keputusan referendum EU oleh UK, Bank of England (BOE) menurunkan kadar bank sebanyak 25 mata asas kepada paras paling rendah sebanyak 0.25% pada bulan Ogos 2016. Untuk terus menyokong pertumbuhan dan inflasi, BOE melancarkan pakej rangsangan, termasuk Skim Pembiayaan Berjangka (Term Funding Scheme) baharu untuk memudahkan lagi kesan pindahan daripada penurunan kadar bank, pembelian sehingga GBP10 bilion bon korporat UK dan peningkatan skim pembelian aset untuk bon kerajaan UK sebanyak GBP60 bilion, yang keseluruhan jumlah stok daripada pembelian asset ini ialah GBP435 bilion. Reserve Bank of Australia (RBA) turut menurunkan kadar tunai sebanyak 25 mata asas kepada 1.75% pada bulan Mei 2016 dan sekali lagi kepada 1.50% pada bulan Ogos 2016, berikutan inflasi yang lebih lemah daripada jangkaan. RBA juga menyatakan bahawa tekanan

**Ekonomi Maju: Pertumbuhan KDNK Benar**

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| AS | 3.0[d] | 3.1[d] | 1.6[d] | 1.2[a] | 1.4[a] |
| Kawasan euro | 1.6 | 1.5 | 1.7 | 1.6[p] | 1.6[p] |
| UK | 2.4 | 2.6 | 2.0 | 2.2[p] | 2.1[p] |

[a] Anggaran awal
[p] Awalan
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

harga dalam pasaran perumahan telah reda, justeru risiko yang mungkin timbul daripada penurunan kadar faedah adalah lebih rendah berbanding dengan setahun yang lalu. Bank of Japan (BOJ) mengekalkan kadar faedah yang stabil tetapi memutuskan untuk menggandakan kadar pembelian tahunan dana dagangan bursa (exchange-traded funds, ETF) kepada kira-kira 6 trilion yen. Dalam keadaan ketidakpastian ekonomi global yang meningkat, BOJ membesarkan saiz program pemberian pinjamannya, yang memberikan dolar AS kepada syarikat Jepun dalam usaha menyokong aktiviti luar negara mereka. European Central Bank (ECB) memutuskan untuk mengekalkan kadar dasar utama dan pembelian aset bulanannya sebanyak EUR 80 bilion. Bank of Canada (BOC) turut mengekalkan sasarannya untuk kadar semalaman pada 0.5%. Walau bagaimanapun, ECB dan BOC telah menyatakan bahawa gangguan terhadap pertumbuhan telah meningkat berikutan keputusan referendum EU oleh UK. Sebaliknya, Federal Reserve tidak mengubah Kadar Dana Federal pada bulan Julai, menegaskan bahawa pasaran pekerja telah kukuh dan risiko jangka terdekat terhadap prospek ekonomi AS telah berkurang.

Pertumbuhan di RR China kekal pada 6.7% pada suku kedua (S1 2016: 6.7%). Mengikut sektor, peningkatan dalam sektor perindustrian (6.3%, S1 2016: 5.8%) diimbangi oleh pertumbuhan lebih sederhana dalam sektor perkhidmatan (7.5%, S1 2016: 7.6%). Pada suku itu, langkah dasar yang diperkenalkan telah sedikit sebanyak menyokong aktiviti pelaburan. Langkah ini termasuk menambah pembiayaan untuk pelaburan infrastruktur dan melonggarkan sekatan pembelian rumah. Walau bagaimanapun, ekonomi keseluruhan terus menghadapi gangguan daripada sentimen perniagaan yang lebih lemah, pelarasan berterusan merentas sektor yang mempunyai kapasiti lebihan dan permintaan luar negeri yang lebih sederhana. Inflasi kekal pada 2.1% (S1 2016: 2.1%) apabila kenaikan harga rumah diimbangi oleh pertumbuhan lebih perlahan dalam kategori makanan dan pakaian.

Di Asia, beberapa ekonomi mencatat pertumbuhan yang sederhana. Aktiviti ekonomi di Korea berkembang pada kadar lebih pantas (3.2%; S1 2016: 2.8%), disokong oleh penggunaan swasta yang lebih kukuh dan pemulihan eksport. Pertumbuhan di Indonesia meningkat kepada 5.2% (S1 2016: 4.9%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan kerajaan yang lebih tinggi dan kemerosotan lebih kecil dalam pertumbuhan eksport. Aktiviti ekonomi di China Taipei mencatat pertumbuhan positif sebanyak 0.7% (S1 2016: -0.7%), berikutan eksport yang kembali pulih. Pertumbuhan di Singapura kekal pada 2.1% (S1 2016: 2.1%), apabila sektor perkilangan yang didorong terutamanya oleh kelompok perkilangan bioperubatan dan elektronik sebahagiannya mengimbangi kelemahan dalam sektor perkhidmatan pada suku itu.

Inflasi kekal rendah dalam beberapa ekonomi Asia. Harga bahan api lebih rendah menyumbang kepada penurunan kos pengangkutan dan utiliti, yang mengimbangi kadar inflasi lebih tinggi untuk barangan makanan dalam beberapa ekonomi. Susulan tempoh deflasi sejak suku pertama 2015, Thailand mencatat kenaikan inflasi suku tahunannya yang pertama pada suku kedua 2016, apabila keadaan kemarau pada suku tersebut menyebabkan kenaikan harga makanan pada kadar lebih tinggi berbanding dengan pengurunan harga bahan api.

**Negara Serantau: Pertumbuhan KDNK Benar**

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| RR China | 7.0 | 7.0 | 6.7 | 6.7 | 6.7 |
| Indonesia | 4.7 | 4.7 | 4.9 | 5.2 | 5.1 |
| Korea | 2.2 | 2.3 | 2.8 | 3.2[a] | 3.0 |
| Singapura | 1.8 | 2.2 | 2.1[d] | 2.1 | 2.1 |
| China Taipei | 0.6 | 2.3 | -0.7 | 0.7[a] | 0.0 |

[a] Anggaran awal
[d] Disemak

Sumber: Pihak berkuasa negara

Dasar monetari kekal akomodatif di rantau Asia dan beberapa bank pusat telah menurunkan kadar dasar mereka pada suku tersebut. Reserve Bank of India (RBI) dan Bank of Korea (BOK) menurunkan kadar dasar utama mereka masing-masing sebanyak 25 mata asas kepada 6.50% dan 1.25%, untuk menyokong aktiviti ekonomi dalam negeri. Tambahan lagi, RBI turut melonggarkan keadaan mudah tunai dengan menurunkan nisbah rizab tunai dan menaikkan kadar repo berbalik (reverse repo) untuk menyokong pertumbuhan kredit. Central Bank of China (Taiwan) turut menurunkan kadar dasar utamanya sebanyak 12.5 mata asas kepada 1.375% berikutan peningkatan risiko pertumbuhan ekonomi menjadi lebih perlahan. Monetary Authority of Singapore mengurangkan julat kadar pertukaran efektif nominal dolar Singapura (Singapore dollar nominal effective exchange rate, S$NEER) daripada penambahan nilai secara beransur-ansur kepada sifar peratus, dengan mengambil kira bahawa aktiviti ekonomi dijangka berkembang pada kadar lebih sederhana berbanding dengan unjuran sebelum ini.

Pada masa hadapan, aktiviti ekonomi global dijangka kekal sederhana meskipun terdapat pelonggaran keadaan monetari yang tidak pernah dilaksanakan sebelum ini dalam ekonomi utama dan serantau. Kadar pertumbuhan dalam ekonomi maju dijangka terus perlahan manakala di Asia, permintaan dalam negeri akan terus menyokong pertumbuhan. Ketidaktentuan pasaran kewangan yang terus berlaku ekoran kebimbangan yang makin meningkat mengenai pilihan raya presiden AS dan risiko penularan politik yang meningkat susulan referendum EU oleh UK mungkin memberikan kesan ketara kepada pasaran melalui aliran modal antarabangsa. Keadaan ekonomi global secara keseluruhan semakin mencabar, dengan peningkatan risiko pertumbuhan menjadi lebih perlahan.

# PERKEMBANGAN EKONOMI MALAYSIA

## Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.0% pada suku kedua

Ekonomi Malaysia berkembang sebanyak 4.0% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 4.2%). Perbelanjaan sektor swasta kekal sebagai pemacu utama pertumbuhan (6.1%; S1 2016: 4.5%), dan menyumbang kepada pengembangan berterusan permintaan dalam negeri. Walau bagaimanapun, pertumbuhan telah terjejas oleh kemerosotan berterusan dalam eksport bersih dan pengeluaran stok yang besar. Meskipun prestasi eksport benar lebih baik (1.0%; S1 2016: -0.5%), disebabkan permintaan yang lebih tinggi terhadap produk perkilangan, namun import benar meningkat pada kadar yang lebih pantas iaitu 2.0% (S1 2016: 1.3%), disebabkan pertumbuhan import barangan modal dan pengantara yang lebih baik. Oleh itu, eksport bersih terus mencatat pertumbuhan negatif pada suku kedua, walaupun pada kadar yang lebih perlahan iaitu -7.0% (S1 2016: -12.4%). Pengeluaran stok disebabkan oleh pengeluaran pertanian dan produk perkilangan yang lebih rendah. Berdasarkan asas suku tahunan terlaras secara bermusim, ekonomi negara mencatat pertumbuhan 0.7% (S1 2016: 1.0%).

## Permintaan dalam negeri terus berkembang

Permintaan dalam negeri berkembang 6.3% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.6%), dengan pertumbuhan perbelanjaan sektor swasta lebih kukuh pada 6.1% (S1 2016: 4.5%). **Penggunaan swasta** meningkat 6.3% (S1 2016: 5.3%), disokong oleh pertumbuhan berterusan dalam upah dan guna tenaga serta pendapatan boleh guna tambahan berikutan langkah-langkah yang dilaksanakan Kerajaan. Pertumbuhan **pelaburan swasta** lebih tinggi pada 5.6% pada suku kedua (S1 2016: 2.2%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan modal yang berterusan dalam sektor perkhidmatan dan perkilangan berikutan keyakinan perniagaan yang bertambah baik.

**KDNK Mengikut Komponen Perbelanjaan**
(pada harga malar tahun 2010)

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| Permintaan Dalam Negeri | | | | | | |
| Agregat (tidak termasuk stok) | 91.6 | 4.6 | 6.3 | 3.6 | 6.3 | 5.0 |
| Sektor Swasta | 69.2 | 5.7 | 7.6 | 4.5 | 6.1 | 5.4 |
| *Penggunaan* | *52.4* | *6.4* | *7.7* | *5.3* | *6.3* | *5.8* |
| *Pelaburan* | *16.9* | *3.9* | *7.4* | *2.2* | *5.6* | *4.0* |
| Sektor Awam | 22.4 | 0.9 | 1.8 | 0.4 | 6.9 | 3.6 |
| *Penggunaan* | *13.5* | *6.9* | *5.6* | *3.8* | *6.5* | *5.2* |
| *Pelaburan* | *8.9* | *-8.1* | *-3.7* | *-4.5* | *7.5* | *1.1* |
| Eksport Bersih | 8.6 | -11.1 | -10.5 | -12.4 | -7.0 | -9.8 |
| *Eksport Barangan dan Perkhidmatan* | *72.9* | *-4.0* | *-2.4* | *-0.5* | *1.0* | *0.2* |
| *Import Barangan dan Perkhidmatan* | *64.3* | *-3.1* | *-1.1* | *1.3* | *2.0* | *1.6* |
| **KDNK** | **100.0**[1] | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **KDNK (Suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **0.9** | **-** | **1.0** | **0.7** | **-** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian stok
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**PMTK Mengikut Jenis Aset**




* Aset lain termasuk cari gali mineral, penyelidikan & pembangunan, dll
Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Penggunaan awam** mencatat pertumbuhan lebih kukuh pada 6.5% (S1 2016: 3.8%), hasil daripada peningkatan perbelanjaan untuk bekalan dan perkhidmatan. **Pelaburan awam** kembali pulih untuk mencatat pertumbuhan positif 7.5% (S1 2016: -4.5%), didorong oleh perbelanjaan yang lebih tinggi untuk harta tetap oleh Kerajaan Persekutuan dan perbadanan awam.

Dari segi jumlah pelaburan, **pembentukan modal tetap kasar (PMTK)** mencatat pengembangan lebih pantas pada 6.1% (S1 2016: 0.1%), disokong oleh pelaburan awam dan swasta.

Dari segi jenis aset, perbelanjaan modal yang lebih tinggi adalah disebabkan pemulihan pelaburan dalam jentera dan kelengkapan (8.1%; S1 2016: -7.1%) serta pelaburan yang berterusan untuk struktur (5.9% ; 2016: 5.7%).

## Sektor ekonomi utama terus berkembang

Dari segi penawaran, semua sektor terus berkembang, kecuali sektor pertanian. Pertumbuhan sektor perkhidmatan yang lebih tinggi disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh, manakala bagi sektor perkilangan, disokong oleh kelompok elektronik dan elektrik. Pertumbuhan sektor pembinaan lebih teguh dengan subsektor kejuruteraan awam sebagai penyumbang utama. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik, disebabkan terutamanya oleh peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli pada suku tersebut. Pertumbuhan sektor pertanian merosot akibat kesan tertangguh El Niño ke atas pengeluaran minyak sawit mentah.

**Sektor perkhidmatan** berkembang pada kadar lebih tinggi sebanyak 5.7% pada suku kedua (S1 2016: 5.1%), disokong terutamanya oleh perbelanjaan isi rumah yang lebih kukuh. Subsektor perdagangan borong dan runcit mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 6.7% (S1 2016: 5.2%), sejajar dengan penggunaan swasta yang bertambah baik. Dalam subsektor maklumat dan komunikasi, pertumbuhan terus teguh (8.8%; S1 2016: 8.5%), didorong oleh permintaan yang terus kukuh untuk perkhidmatan komunikasi data. Pertumbuhan subsektor kewangan dan insurans bertambah baik kepada 1.6% (S1 2016: 0.1%), hasil daripada premium yang lebih tinggi dalam segmen insurans. Pengembangan subsektor harta tanah dan perkhidmatan perniagaan disebabkan terutamanya oleh perkhidmatan profesional dalam segmen perkhidmatan perniagaan, manakala pertumbuhan subsektor pengangkutan dan penyimpanan disumbangkan oleh aktiviti perjalanan dan perdagangan.

**KDNK Mengikut Aktiviti Ekonomi (pada harga malar tahun 2010)**

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Perkhidmatan | 53.5 | 5.0 | 5.7 | 5.1 | 5.7 | 5.4 |
| Perkilangan | 23.0 | 4.2 | 4.9 | 4.5 | 4.1 | 4.3 |
| Perlombongan | 9.0 | 6.0 | 7.8 | 0.3 | 2.6 | 1.4 |
| Pertanian | 8.9 | 4.6 | 0.3 | -3.8 | -7.9 | -6.0 |
| Pembinaan | 4.4 | 5.6 | 7.6 | 7.9 | 8.8 | 8.4 |
| **KDNK Benar** | **100.0[1]** | **4.9** | **5.3** | **4.2** | **4.0** | **4.1** |
| **KDNK Benar (Suku tahunan terlaras secara bermusim)** | **-** | **0.9** | **-** | **1.0** | **0.7** | **-** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan dan pengecualian komponen duti import

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Prestasi Sektor Perkhidmatan (nilai ditambah pada harga malar tahun 2010)**

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Perkhidmatan Pengantara** | **38.1** | **4.8** | **5.2** | **4.7** | **5.5** | **5.1** |
| Kewangan & insurans | 12.9 | 0.2 | 1.0 | 0.1 | 1.6 | 0.8 |
| Harta tanah & perkhidmatan perniagaan | 8.0 | 6.2 | 6.8 | 6.4 | 6.8 | 6.6 |
| Pengangkutan & penyimpanan | 6.6 | 5.4 | 5.5 | 5.8 | 5.9 | 5.8 |
| Maklumat & komunikasi | 10.6 | 9.3 | 9.4 | 8.5 | 8.8 | 8.7 |
| **Perkhidmatan Akhir** | **61.9** | **5.1** | **5.9** | **5.4** | **5.8** | **5.6** |
| Perdagangan borong & runcit | 27.4 | 5.8 | 7.8 | 5.2 | 6.6 | 5.9 |
| Makanan & minuman dan penginapan | 5.2 | 6.6 | 6.9 | 6.2 | 6.9 | 6.6 |
| Utiliti | 4.8 | 3.9 | 3.8 | 6.7 | 5.4 | 6.1 |
| Perkhidmatan Kerajaan | 16.3 | 4.0 | 3.9 | 5.3 | 4.9 | 5.1 |
| Perkhidmatan lain | 8.2 | 4.7 | 4.7 | 4.6 | 4.4 | 4.5 |
| **Jumlah Perkhidmatan** | **100.0[1]** | **5.0** | **5.7** | **5.1** | **5.7** | **5.4** |

[1] Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penunjuk Suku Tahunan Terpilih Sektor Perkhidmatan

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Indeks | | | | |
| Indeks Sentimen Pengguna MIER | 71.7 | 72.2 | 72.9 | 78.5 | 75.7 |
| Indeks Perdagangan Runcit MIER | 76.8 | 81.1 | 65.9 | 105.0 | 85.5 |
| Indeks Pasaran Pelancongan MIER | 84.7 | 92.7 | 93.0 | 99.5 | 96.3 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Jumlah penumpang di kesemua lapangan terbang | 1.6 | 0.4 | 3.8 | 2.8[1] | 3.4[2] |
| Jumlah kredit penggunaan terkumpul | 2.7 | 2.7 | 1.9 | 1.8 | 1.8 |
| Jumlah pinjaman terkumpul | 9.1 | 9.1 | 6.4 | 5.6 | 5.6 |
| Pinjaman terkumpul kepada perdagangan borong & runcit, hotel & restoran | 8.2 | 8.2 | 7.0 | 5.2 | 5.2 |
| Import barangan penggunaan | 25.4 | 15.2 | 24.6 | 9.9 | 16.4 |
| Jumlah jualan kenderaan bermotor | -11.2 | -3.3 | -22.0 | -6.3 | -14.5 |
| Kargo kontena yang dikendalikan (Pelabuhan Klang dan PTP) | 6.0 | 9.3 | 6.3 | 5.1 | 5.7 |

[1] Apr-Mei 2016
[2] Jan-Mei 2016

Sumber: Pelbagai sumber

## Prestasi Sektor Perkilangan

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S1 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| **Nilai Ditambah Keseluruhan (pada harga malar tahun 2010)** | **100.0** | **4.2** | **4.9** | **4.5** | **4.1** | **4.3** |
| Industri berorientasikan eksport | 63.6 | 4.1 | 5.5 | 4.5 | 7.0 | 5.8 |
| Industri berorientasikan pasaran dalam negeri | 36.4 | 4.5 | 3.8 | 4.6 | -0.4 | 1.8 |
| **Pengeluaran Perkilangan Keseluruhan[1]** | **100.0** | **4.1** | **4.8** | **4.3** | **3.9** | **4.1** |
| **Industri berorientasikan eksport** | **77.6** | **4.3** | **4.7** | **4.2** | **4.2** | **4.2** |
| **Kelompok elektronik dan keluaran elektrik** | **25.0** | **4.8** | **7.6** | **5.9** | **8.5** | **7.3** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Elektronik | 15.3 | -6.1 | -3.3 | 6.0 | 9.8 | 7.9 |
| Keluaran elektrik | 7.6 | 37.7 | 39.0 | 6.4 | 7.8 | 7.1 |
| **Kelompok keluaran berkaitan sumber** | **52.6** | **4.0** | **3.1** | **3.2** | **1.8** | **2.5** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Kimia dan keluaran kimia | 14.3 | 5.5 | 7.6 | 3.3 | 4.9 | 4.1 |
| Keluaran petroleum | 21.0 | 0.9 | 1.5 | 1.2 | 5.0 | 3.0 |
| Keluaran getah | 2.5 | 7.6 | 3.1 | 6.9 | 4.7 | 5.7 |
| Pemprosesan di luar estet | 6.4 | 7.3 | -5.9 | 2.7 | -21.5 | -11.6 |
| **Industri berorientasikan pasaran dalam negeri** | **22.4** | **3.5** | **5.4** | **4.6** | **2.8** | **3.7** |
| **Kelompok berkaitan pembinaan** | **11.3** | **2.8** | **4.8** | **4.9** | **5.0** | **5.0** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Keluaran berkaitan pembinaan | 8.2 | 2.9 | 5.4 | 4.7 | 4.5 | 4.6 |
| Keluaran logam yang direka | 3.1 | 2.8 | 3.7 | 5.4 | 5.9 | 5.6 |
| **Kelompok keluaran berkaitan pengguna** | **11.1** | **4.1** | **6.1** | **4.2** | **0.9** | **2.5** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Kelengkapan pengangkutan | 5.5 | 6.0 | 7.4 | 2.0 | -7.4 | -3.1 |
| Makanan, minuman & keluaran tembakau | 5.4 | 1.7 | 4.5 | 7.3 | 13.0 | 10.1 |

[1] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Sektor perkilangan** berkembang 4.1% pada suku kedua (S1 2016: 4.5%). Pertumbuhan industri berorientasikan eksport mendapat manfaat terutamanya daripada peningkatan pengeluaran separa konduktor dan produk berkaitan petrokimia. Sementara itu, industri berorientasikan pasaran dalam negeri disokong oleh pengeluaran makanan dan minuman serta bahan berkaitan pembinaan yang mampan. Sebaliknya, pengeluaran kenderaan bermotor kekal lembap.

**Sektor pembinaan** berkembang 8.8% pada suku kedua (S1 2016: 7.9%), didorong oleh subsektor kejuruteraan awam. *Pertumbuhan subsektor kejuruteraan awam y*ang lebih kukuh disokong projek-projek berkaitan petrokimia, pengangkutan dan utiliti. Pertumbuhan subsektor perdagangan khas juga mampan, disokong kerja-kerja awal pembinaan seperti pembersihan tapak dan pemasangan cerucuk. Pertumbuhan subsektor kediaman lebih pantas pada suku tersebut, mencerminkan aktiviti pembinaan yang lebih giat bagi projek perumahan mampu milik dan mewah. Dalam subsektor bukan kediaman, pertumbuhan terus lemah berikutan aktiviti pembinaan yang lebih perlahan dalam harta tanah komersial, khususnya segmen ruang pejabat.

Pertumbuhan **sektor pertanian** merosot 7.9% (S1 2016: -3.8%), disebabkan terutamanya oleh kemerosotan dua angka dalam pengeluaran minyak sawit berikutan kesan tertangguh El Niño ke atas kadar hasil pengeluaran. Prestasi sektor perlombongan bertambah baik (2.6%; S1 2016: 0.3%), hasil daripada peningkatan pengeluaran minyak mentah dan gas asli, khususnya di Sabah.

## Prestasi Sektor Pertanian

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Nilai Ditambah (pada harga malar tahun 2010)** | **100** | **4.6** | **0.3** | **-3.8** | **-7.9** | **-6.0** |
| **Tanaman Industri** | **61.0** | **6.0** | **-1.6** | **-9.2** | **-16.3** | **-13.1** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Kelapa Sawit | 46.9 | 10.5 | -0.4 | -10.0 | -19.3 | -15.2 |
| Getah | 7.2 | -4.7 | 1.0 | -13.0 | -4.5 | -9.7 |
| **Tanaman Makanan** | **39.0** | **2.5** | **3.2** | **3.5** | **5.3** | **4.4** |
| *Antaranya:* | | | | | | |
| Perikanan | 10.7 | -0.2 | 2.2 | -2.1 | 6.6 | 2.0 |
| Ternakan | 10.7 | 3.1 | 3.7 | 5.0 | 4.9 | 4.9 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

## Prestasi Sektor Perlombongan

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Nilai ditambah (pada harga malar tahun 2010)** | **6.0** | **7.8** | **0.3** | **2.6** | **1.4** |
| **Pengeluaran** | | | | | |
| *Antaranya:* | | | | | |
| Minyak mentah dan kondensat | 13.7 | 17.0 | -0.3 | 0.6 | 0.2 |
| Gas asli | -2.3 | -1.8 | 0.0 | 3.9 | 1.9 |
| Perlombongan lain dan perkhidmatan sokongan | 10.7 | 12.5 | 6.5 | 8.6 | 7.6 |

Sumber:Jabatan Perangkaan Malaysia

## Penunjuk bagi Sektor Pembinaan

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| Nilai kerja pembinaan yang siap | 100.0 | 8.2 | 11.6 | 11.1 | 11.7 | 11.4 |
| Bukan kediaman | 34.0 | 15.5 | 19.8 | 3.8 | 2.1 | 3.0 |
| Kediaman | 29.4 | 7.8 | 13.5 | 8.4 | 12.5 | 10.4 |
| Kejuruteraan awam | 31.8 | 1.5 | 2.9 | 21.3 | 21.6 | 21.4 |
| Pertukangan khas[1] | 4.7 | 7.4 | 5.7 | 17.3 | 13.5 | 15.4 |
| Kelulusan perumahan | | -16.0 | -19.5 | -22.1 | -36.6 | -30.8 |
| Pengeluaran[2] bahan berkaitan pembinaan | | 2.8 | 4.8 | 4.9 | 5.0 | 5.0 |
| Simen hidraulik | | 12.8 | 16.3 | -7.9 | -8.1 | -8.0 |
| Produk porselin dan seramik lain | | 21.6 | 26.1 | 0.7 | 7.1 | 4.0 |
| Bahan lain daripada artikel konkrit, simen dan plaster t.t.t.l | | 4.9 | 12.6 | -8.9 | 9.1 | -0.2 |
| Komponen struktur pasang siap untuk bangunan atau kejuruteraan awam daripada simen, konkrit atau batu buatan | | -6.4 | -9.9 | 21.7 | 21.1 | 21.4 |
| Import barangan modal (tidak termasuk barangan besar) | | -2.8 | 3.9 | -8.1 | 2.9 | -2.7 |
| Pinjaman kepada sektor pembinaan | | | | | | |
| Kelulusan | | 46.0 | 35.4 | 0.4 | -14.1 | -8.5 |
| Pengeluaran | | 5.7 | 4.4 | -2.8 | 5.4 | 1.1 |

[1] Kerja-kerja seperti penyediaan tapak, pemasangan elektrik dan mengecat
[2] Indeks Pengeluaran Perindustrian (2010=100)

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Kementerian Kesejahteraan Bandar, Perumahan dan Kerajaan Tempatan dan Bank Negara Malaysia

## Inflasi keseluruhan menurun pada suku kedua 2016

Inflasi, seperti yang diukur oleh perubahan tahunan dalam Indeks Harga Pengguna (IHP), menurun kepada 1.9% pada suku kedua 2016 (S1 2016: 3.4%) disebabkan terutamanya oleh luputnya kesan daripada Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) yang dilaksanakan pada bulan April 2015. Penurunan inflasi dicatat oleh kesemua dua belas kategori IHP. Kategori *pengangkutan* mencatat penurunan inflasi terbesar kepada -6.6% pada suku kedua (S1 2016: -1.6%) disebabkan terutamanya oleh kesan asas daripada harga bahan api dalam negeri yang lebih tinggi pada tempoh yang sama tahun lepas. Harga purata petrol RON95 ialah RM1.70 seliter pada suku kedua 2016, lebih rendah daripada harga purata RM1.98 seliter pada suku kedua 2015.

Indeks Harga Pengeluar (IHPR) merosot 2.1% pada suku kedua 2016 (S1 2016: -4.4%). Kemerosotan ini disebabkan terutamanya oleh harga bahan pengantara yang lebih rendah, khususnya kategori *bahan api dan minyak pelincir yang diproses*, mencerminkan persekitaran harga tenaga dan komoditi dunia yang kekal rendah pada suku kedua.

## Pasaran pekerja stabil

Keadaan pasaran pekerja terus stabil pada suku kedua. Guna tenaga meningkat pada suku itu apabila mencatat pertambahan bersih yang sederhana sebanyak 66,000 pekerjaan[1]. Pertambahan ini hampir sama dengan peningkatan tenaga kerja sepanjang tempoh itu. Oleh itu, kadar pengangguran tidak berubah pada 3.4% daripada jumlah tenaga kerja (S1 2016: 3.4%). Penyertaan tenaga kerja adalah mampan pada 67.6% daripada jumlah tenaga kerja (S1 2016: 67.6%). Jumlah jawatan baharu yang diiklankan oleh majikan di JobStreet.com pada 66,088 jawatan menunjukkan bahawa permintaan terhadap pekerja baharu adalah berterusan (S1 2016: 61,378).

**Penunjuk Pasaran Pekerja***




* Data Penyiasatan Tenaga Buruh (PTB) bagi S1 2015 dan seterusnya mencerminkan anggaran penduduk semasa baharu oleh Jabatan Perangkaan Malaysia

ᵃ Awalan
ˢ Semakan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

**Indeks Harga Pengguna**

| Kategori | Wajaran (%) (2010=100) | S1 2016 | S2 2016 |
|---|---|---|---|
| | | Pertumbuhan tahunan, % | |
| **Jumlah** | **100** | **3.4** | **1.9** |
| Makanan dan minuman bukan alkohol | 30.2 | 4.6 | 4.2 |
| Perumahan, air, elektrik, gas dan bahan api lain | 23.8 | 3.0 | 2.5 |
| Pengangkutan | 13.7 | -1.6 | -6.6 |
| Lain-lain | 32.3 | 4.8 | 2.8 |

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

[1] Berdasarkan data awalan.

Penunjuk upah menunjukkan pertumbuhan upah yang berterusan dalam sektor ekonomi utama. Dalam subsektor perkhidmatan perdagangan edaran[2], pertumbuhan upah lebih kukuh pada 5.3% (S1 2016: 4.6%), manakala pertumbuhan guna tenaga lebih tinggi sedikit pada 3% (S1 2016: 2.5%). Agregat upah dalam sektor perkilangan juga terus meningkat dengan memuaskan sebanyak 5% (S1 2016: 6.9%) disokong oleh pertumbuhan upah yang tinggi dalam sektor berorientasikan eksport, terutamanya kelompok elektrik dan elektronik (E&E), petrokimia dan tekstil. Namun, pertumbuhan guna tenaga dalam sektor tersebut menurun sedikit (-0.1%; S1 2016:-0.5%), kerana pengeluar masih berhati-hati terhadap prospek permintaan.

**Akaun Perdagangan**

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Eksport Kasar** | **100.0** | **-3.7** | **-3.1** | **1.0** | **1.4** | **1.2** |
| Perkilangan | 80.2 | 2.3 | 1.2 | 6.4 | 4.8 | 5.6 |
| *E&E* | *35.6* | *3.1* | *4.9* | *3.6* | *3.5* | *3.5* |
| *Bukan E&E* | *44.6* | *1.6* | *-1.5* | *8.7* | *5.7* | *7.2* |
| *Berasaskan sumber* | *22.3* | *-5.5* | *-8.9* | *1.6* | *6.4* | *4.1* |
| *Bukan berasaskan sumber* | *22.3* | *9.8* | *7.3* | *16.2* | *5.1* | *10.3* |
| Komoditi | 19.2 | -23.0 | -16.8 | -18.3 | -13.7 | -16.2 |
| *Mineral* | *10.6* | *-36.0* | *-21.6* | *-32.5* | *-24.4* | *-29.2* |
| *Pertanian* | *8.6* | *-2.7* | *-9.3* | *6.5* | *-2.9* | *1.5* |
| **Import Kasar** | **100.0** | **-5.2** | **-2.6** | **-0.4** | **3.1** | **1.4** |
| Barangan pengantara | 58.2 | -4.6 | -1.0 | -3.1 | -0.3 | -1.7 |
| Barangan modal | 14.0 | -12.5 | -2.5 | -12.9 | 10.2 | -1.9 |
| Barangan penggunaan | 9.1 | 25.4 | 15.2 | 24.6 | 9.9 | 16.4 |
| Lain-lain (termasuk eksport semula dan barangan dua kegunaan | 18.7 | -12.9 | -13.9 | 8.7 | 5.3 | 7.0 |
| **Imbangan perdagangan (RM bilion)** | **–** | **20.4** | **41.7** | **23.9** | **17.9** | **41.8** |

Sumber: MATRADE dan Jabatan Perangkaan Malaysia

## Kedudukan luaran terus kukuh pada suku kedua, meskipun lebihan akaun semasa yang lebih kecil

Pada suku kedua 2016, lebihan **akaun semasa** mengecil kepada RM1.9 bilion, bersamaan dengan 0.6% daripada Pendapatan Negara Kasar (PNK) (S1 2016: RM5.0 bilion atau 1.8% daripada PNK). Lebihan akaun semasa yang mengecil disebabkan terutamanya oleh lebihan perdagangan yang berkurang, pembayaran penerimaan pendapatan pelaburan yang lebih tinggi oleh pelabur asing di Malaysia dan kiriman wang ke luar negeri oleh pekerja asing di Malaysia.

Pada suku kedua 2016, eksport kasar mencatat pertumbuhan lebih tinggi sebanyak 1.4% (S1 2016: 1.0%), didorong terutamanya oleh kemerosotan lebih kecil dalam pertumbuhan eksport komoditi yang mengimbangi pertumbuhan eksport perkilangan yang lebih perlahan. Import kasar mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.1% (S1 2016: -0.4%), mencerminkan terutamanya import barangan modal yang lebih tinggi, penurunan lebih rendah dalam import pengantaraan dalam keadaan peningkatan import penggunaan yang lebih sederhana. Berikutan itu, lebihan perdagangan lebih rendah pada RM17.9 bilion (S1 2016: RM23.9 bilion).

**Imbangan Pembayaran[1]**

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| **Akaun Semasa** | **8.1** | **19.5** | **5.0** | **1.9** | **6.9** |
| *(% daripada PNK)* | *2.9* | *3.5* | *1.8* | *0.6* | *1.2* |
| Barangan | 23.6 | 51.3 | 23.5 | 19.8 | 43.3 |
| Perkhidmatan | -5.0 | -8.5 | -6.8 | -4.6 | -11.5 |
| Pendapatan primer | -4.6 | -12.3 | -6.7 | -8.2 | -14.9 |
| Pendapatan sekunder | -5.9 | -11.0 | -4.9 | -5.1 | -10.0 |
| **Akaun Kewangan** | **5.7** | **-24.1** | **5.8** | **9.5** | **15.3** |
| Pelaburan langsung | 0.7 | -0.8 | 3.7 | 5.3 | 9.0 |
| *Aset* | *-17.6* | *-27.5* | *-11.2* | *-3.8* | *-15.0* |
| *Liabiliti* | *18.2* | *26.8* | *14.9* | *9.1* | *24.1* |
| Pelaburan portfolio | -11.8 | -19.7 | 13.1 | 0.1 | 13.2 |
| *Aset* | *-8.1* | *-15.4* | *-5.9* | *-4.7* | *-10.6* |
| *Liabiliti* | *-3.7* | *-4.3* | *19.0* | *4.8* | *23.8* |
| Derivatif kewangan | -0.4 | -0.4 | 0.5 | 0.0 | 0.5 |
| Pelaburan lain | 17.3 | -3.2 | -11.5 | 4.1 | -7.4 |
| Kesilapan dan ketinggalan[2] | -4.3 | -1.5 | -38.4 | -2.7 | -41.1 |
| **Imbangan Keseluruhan** | **8.5** | **-7.2** | **-27.6** | **8.8** | **-18.8** |

Aset: (-) menunjukkan aliran keluar disebabkan oleh pemerolehan aset di luar negeri oleh pemastautin
Liabiliti: (+) menunjukkan aliran masuk disebabkan oleh liabiliti asing
[1] Mengikut Edisi Keenam Manual Imbangan Pembayaran dan Kedudukan Pelaburan Antarabangsa (BPM6) oleh Tabungan Kewangan Antarabangsa (IMF)
[2] Termasuk penambahan/pengurangan nilai rizab antarabangsa hasil daripada penilaian semula pertukaran asing yang belum direalisasikan

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

[2] Subsektor perkhidmatan perdagangan edaran terdiri daripada subsektor perdagangan borong dan runcit, serta kenderaan bermotor.

Eksport komoditi mencatat kemerosotan lebih kecil pada suku kedua, disebabkan terutamanya oleh permintaan lebih tinggi untuk LNG dan getah dan kenaikan harga komoditi ini. Pertumbuhan lebih perlahan dalam eksport perkilangan disebabkan terutamanya oleh pengembangan eksport keluaran perkilangan bukan berasaskan sumber yang lebih sederhana dalam keadaan pertumbuhan eksport E&E yang mampan. Selepas beberapa suku tahun mencatat pertumbuhan yang kukuh, pertumbuhan eksport perkilangan bukan berasaskan sumber seperti jentera, kelengkapan dan peralatan, serta keluaran logam menurun pada suku kedua 2016. Walau bagaimanapun, eksport separa konduktor lebih baik sejajar dengan pengeluaran lebih tinggi, lantas menyokong pertumbuhan eksport E&E.

Dari segi destinasi, eksport ke rakan perdagangan utama, terutamanya RR China dan EU, merosot pada suku itu. Eksport ke RR China menurun berikutan permintaan lebih rendah untuk keluaran logam dan petroleum. Eksport ke EU turut merosot disebabkan terutamanya oleh eksport produk E&E, serta jentera, kelengkapan dan peralatan yang lebih perlahan. Namun, kemerosotan ini diimbangi oleh prestasi eksport lebih kukuh ke AS dalam keadaan permintaan berterusan untuk keluaran E&E, terutamanya separa konduktor. Permintaan lebih tinggi untuk LNG juga sedikit sebanyak menyokong peningkatan eksport ke Jepun.

Import kasar mencatat pertumbuhan positif sebanyak 3.1% pada suku kedua (S1 2016: -0.4%), disokong terutamanya oleh import barangan modal dan peralatan pengangkutan yang lebih tinggi seiring dengan aktiviti pelaburan yang meningkat. Pertumbuhan import penggunaan yang kukuh juga menyumbang kepada pertumbuhan import kasar berikutan permintaan yang berterusan untuk import barangan pengguna separuh tahan lama dan tidak tahan lama. Import barangan pengantara mencatat kemerosotan lebih kecil, seiring dengan prestasi eksport perkilangan yang lebih sederhana.

Defisit akaun perkhidmatan lebih kecil pada RM4.6 bilion (S1 2016: defisit sebanyak RM6.8 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh pembayaran bersih yang lebih rendah untuk *perkhidmatan pembinaan* susulan kemudahan minyak dan gas yang telah siap, *perkhidmatan telekomunikasi*, *komputer dan maklumat*, serta *perkhidmatan peribadi*, *kebudayaan dan rekreasi* kerana pemerolehan kandungan media dan hiburan asing yang lebih rendah. Sementara itu, lebihan perjalanan bersih lebih tinggi dicatat pada suku kedua 2016

**Malaysia: Destinasi Eksport**

| | Bahagian 2015 (%) | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|
| | | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | | Perubahan tahunan (%) | | | | |
| **Kesatuan Eropah (EU)** | **10.1** | **4.4** | **3.1** | **7.9** | **-0.1** | **3.8** |
| **Jepun** | **9.5** | **-26.6** | **-14.1** | **-20.6** | **-8.4** | **-15.7** |
| **Amerika Syarikat** | **9.4** | **4.0** | **9.1** | **13.1** | **17.4** | **15.3** |
| **ASEAN[1]** | **28.1** | **-0.8** | **-1.6** | **6.5** | **5.4** | **6.0** |
| **Timur Laut Asia** | **24.0** | **2.1** | **-2.5** | **-4.3** | **-9.6** | **-7.1** |
| *Republik Rakyat China* | *13.0* | *17.1* | *1.9* | *1.3* | *-16.6* | *-8.7* |
| *Hong Kong SAR* | *4.7* | *-8.0* | *-1.0* | *-3.2* | *2.8* | *-0.2* |
| *Korea* | *3.2* | *-14.9* | *-11.8* | *-13.7* | *0.4* | *-7.9* |
| *China Taipei* | *3.0* | *-16.2* | *-10.6* | *-15.1* | *-7.1* | *-10.9* |
| **Asia Barat[2]** | **2.8** | **-10.1** | **-9.0** | **5.2** | **5.6** | **5.4** |
| **India** | **4.1** | **-2.9** | **3.9** | **3.0** | **-1.1** | **0.9** |
| **Jumlah eksport** | **100.0** | **-3.7** | **-3.1** | **1.0** | **1.4** | **1.2** |

[1] Singapura, Thailand, Indonesia, Filipina, Brunei Darussalam, Vietnam, Kemboja, Myanmar dan Laos
[2] Emiriah Arab Bersatu, Arab Saudi, Oman, Iraq, Qatar, Kuwait, Jordan, Lebanon, Bahrain, Syria, Palestin, Yaman dan Iran

Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia

disebabkan terutamanya oleh pembayaran lebih rendah untuk perjalanan ke luar negeri dalam keadaan penerimaan lebih tinggi daripada ketibaan pelancong.

Defisit akaun pendapatan primer meningkat kepada RM8.2 bilion (S1 2016: defisit sebanyak RM6.7 bilion), disebabkan terutamanya oleh pendapatan terakru yang lebih tinggi kepada pelabur asing di Malaysia apabila keuntungan lebih tinggi dicatat pada suku kedua (RM18.1 bilion; S1 2016: RM14.1 bilion). Ini lebih daripada mengimbangi peningkatan pendapatan yang dijana oleh syarikat Malaysia yang melabur di luar negeri (RM11.3 bilion; S1 2016: RM9.0 bilion). Pada suku kedua, syarikat pelaburan langsung asing (foreign direct investment, FDI) dalam sektor perkilangan, perkhidmatan dan perlombongan melaporkan keuntungan yang besar berikutan permintaan lebih tinggi dan harga komoditi yang lebih baik berbanding dengan suku pertama 2016. Yang penting, syarikat FDI terus mengekalkan sebahagian pendapatan pelaburan untuk dilabur semula di Malaysia.

Pembayaran bersih dalam akaun pendapatan sekunder secara amnya mampan pada RM5.1 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: pembayaran bersih RM4.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh kiriman wang lebih banyak oleh pekerja asing untuk perayaan Hari Raya.

Pada suku kedua 2016, **akaun kewangan** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM9.5 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM5.8 bilion), disebabkan terutamanya oleh aliran masuk bersih pelaburan langsung dan akaun pelaburan lain.

Akaun **pelaburan langsung** mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM5.3 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih sebanyak RM3.7 bilion), apabila tanggungan liabiliti pelaburan langsung terus melebihi pengumpulan aset pelaburan langsung.

Dari segi aset, pelaburan langsung keluar berjumlah RM3.8 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih RM11.2 bilion). Daripada jumlah ini, **Pelaburan Langsung Luar Negeri** (Direct Investment Abroad, DIA) oleh syarikat Malaysia menyusut kepada RM3.5 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih sebanyak RM11.3 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti lebih rendah dan pemberian pinjaman kepada anak syarikat di luar negeri. Sejumlah besar daripada DIA disalurkan kepada syarikat dalam sektor perkhidmatan, iaitu subsektor kewangan dan insurans, rekreasi dan utiliti serta disusuli oleh pelaburan dalam sektor perlombongan.

Dari segi liabiliti, pelaburan langsung masuk berjumlah RM9.1 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM14.9 bilion). Daripada jumlah ini, FDI menurun kepada RM8.8 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM15.0 bilion), disebabkan terutamanya oleh suntikan modal ekuiti lebih rendah oleh syarikat multinasional dalam operasi mereka di Malaysia. Aliran masuk FDI sebahagian besarnya disalurkan kepada sektor perkilangan, terutamanya industri elektrik dan elektronik, dan sebahagiannya dalam industri petrokimia. FDI turut disalurkan kepada sektor perkhidmatan, terutamanya dalam subsektor harta tanah dan maklumat dan telekomunikasi.

**Pelaburan portfolio** oleh bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih lebih rendah sebanyak RM4.8 bilion (S1 2016: aliran masuk bersih RM19.0 bilion). Pada suku kedua, terdapat pelupusan bersih sekuriti ekuiti apabila sentimen pelabur terjejas oleh ketidakpastian tentang pendirian dasar monetari AS, ketidaktentuan dalam harga minyak mentah global dan penurunan wajaran Malaysia dalam Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun. Walau bagaimanapun, pelupusan ekuiti lebih daripada mengimbangi pembelian sekuriti hutang yang lebih tinggi, apabila pencarian berterusan kadar hasil oleh pelabur pendapatan tetap bukan pemastautin menyebabkan permintaan yang kukuh untuk Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) serta terbitan Sukuk Global Wakala dalam denominasi mata wang asing oleh Kerajaan Persekutuan. Sementara itu,

pelaburan portfolio oleh pemastautin mencatat aliran keluar bersih sebanyak RM4.7 bilion (S1 2016: aliran keluar bersih RM5.9 bilion), disebabkan terutamanya oleh pemerolehan berterusan aset kewangan asing oleh bank dan pelabur institusi domestik. Secara keseluruhan, pelaburan portfolio pemastautin dan bukan pemastautin mencatat aliran masuk bersih yang sedikit iaitu RM77 juta (S1 2016: aliran masuk bersih RM13.1 bilion).

Akaun **pelaburan lain** kembali pulih untuk mencatat aliran masuk bersih sebanyak RM4.1 billion (S1 2016: aliran keluar bersih RM11.5 bilion). Aliran masuk sebahagian besarnya disebabkan oleh penghantaran balik penempatan antara bank luar negeri oleh bank Malaysia berikutan kematangan dana serta penempatan bersih deposit antara bank oleh institusi kewangan bukan pemastautin dalam sistem perbankan domestik. Sementara itu, sektor awam mencatat aliran keluar bersih, disebabkan terutamanya oleh pembayaran balik bersih pinjaman luar negeri oleh syarikat awam.

Berikutan perkembangan ini, imbangan pembayaran keseluruhan mencatat lebihan sebanyak RM8.8 bilion pada suku pertama (S1 2016: defisit sebanyak RM 27.6 bilion). Kesilapan dan ketinggalan (E & O) berjumlah –RM2.7 bilion atau -0.8% daripada jumlah perdagangan, kebanyakannya mencerminkan perubahan penilaian semula pertukaran asing dalam rizab antarabangsa ekoran pengukuhan kebanyakan mata wang utama berbanding dengan ringgit pada suku tersebut.

## Hutang Luar Negeri Terurus

Hutang luar negeri Malaysia berjumlah RM848.2 billion, bersamaan dengan USD209.0 billion atau 69.0% daripada KDNK pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM809.1 bilion atau USD 203.7 bilion, bersamaan dengan 65.8% daripada KDNK). Hutang luar negeri yang lebih tinggi disebabkan oleh ambilan peminjaman luar negeri dan pemegangan sekuriti hutang domestik yang lebih tinggi oleh bukan pemastautin pada suku itu dan juga kesan penilaian berikutan pengukuhan mata wang utama berbanding ringgit.

Penyusutan nilai ringgit sebahagian besarnya memberikan kesan kepada jumlah peminjaman luar pesisir terkumpul yang meningkat sebanyak 6.3% kepada RM466.7 bilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM439.0 bilion). Namun, kesan perubahan penilaian kadar pertukaran terhadap peminjaman luar pesisir terurus kerana peminjaman oleh syarikat, iaitu syarikat awam dan swasta bukan bank sebahagian besarnya dilindung nilai, sama ada secara lazim menerusi perolehan mata wang asing, atau melalui penggunaan instrumen kewangan. Pada akhir bulan Jun, peminjaman luar pesisir kekal rendah pada 38.0% daripada KDNK berbanding dengan 60% daripada KDNK semasa Krisis Kewangan Asia (Asian Financial Crisis, AFC) pada tahun 1997-98.

Tidak termasuk perubahan penilaian pertukaran

**Hutang Luar Negeri Terkumpul**

| | 2015 | 2016 | |
|---|---|---|---|
| | akhir-Jun | akhir-Mac | akhir-Jun |
| | RM bilion | | |
| Peminjaman luar pesisir[1] | 429.0 | 439.0 | 466.7 |
| *Bersamaan dengan USD bilion* | *112.5* | *110.5* | *115.0* |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *251.7* | *271.8* | *288.4* |
| Sektor awam | 119.4 | 117.0 | 121.7 |
| Sektor swasta | 132.3 | 154.8 | 166.7 |
| *Jangka pendek* | *177.3* | *167.1* | *178.4* |
| Pemegangan sekuriti hutang domestik oleh bukan pemastautin | 209.2 | 223.9 | 232.3 |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *186.4* | *197.8* | *215.8* |
| *Jangka pendek* | *22.8* | *26.1* | *16.5* |
| Deposit bukan pemastautin | 84.2 | 78.8 | 77.3 |
| Lain-lain[2] | 69.6 | 67.5 | 71.9 |
| *Jangka sederhana dan panjang* | *58.6* | *11.4* | *11.0* |
| *Jangka pendek* | *11.0* | *56.1* | *60.9* |
| **Jumlah hutang luar negeri** | **791.9** | **809.1** | **848.2** |
| *Bersamaan dengan USD bilion* | *207.7* | *203.7* | *209.0* |
| **Hutang Luar Negeri (Definisi semula)** | | | |
| Jumlah hutang/KDNK (%) | 68.4 | 65.8 | 69.0 |
| Hutang jangka pendek[3]/ Jumlah hutang (%) | 43.3 | 40.6 | 39.3 |
| Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[3] (kali) | 1.2 | 1.2 | 1.2[5] |
| **Hutang Luar Negeri (Definisi terdahulu)** | | | |
| Jumlah hutang/KDNK (%) | 37.1 | 35.7 | 38.0 |
| Hutang jangka pendek[4]/ Jumlah hutang (%) | 41.3 | 38.1 | 38.2 |
| Rizab antarabangsa/ Hutang jangka pendek[4] (kali) | 2.2 | 2.3 | 2.2[5] |

[1] Bersamaan dengan hutang luar negeri definisi terdahulu, terdiri terutamanya daripada pinjaman dalam mata wang asing diperoleh, serta bon dan nota terbitan luar pesisir.
[2] Terdiri daripada kredit perdagangan, peruntukan SDR IMF, dan lain-lain.
[3] Peminjaman luar pesisir jangka pendek, pemegangan sekuriti hutang domestik jangka pendek oleh bukan pemastautin, deposit bukan pemastautin, kredit perdagangan jangka pendek dan lain-lain.
[4] Bersamaan dengan peminjaman luar pesisir jangka pendek.
[5] Berdasarkan rizab antarabangsa pada 29 Julai 2016.

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

asing, peminjaman luar pesisir meningkat 4.1% pada suku kedua.
Ini sebahagiannya mencerminkan terbitan Sukuk Global Wakala sebanyak USD1.5 bilion oleh Kerajaan Persekutuan, dengan hasilnya digunakan untuk menebus Sukuk Global Wakala terbitan terdahulu sebanyak USD1.2 bilion yang matang pada bulan Julai 2016 dan untuk membiayai perbelanjaan pembangunan. Terdapat ambilan bersih peminjaman antara bank, terutamanya bagi tujuan pembiayaan, pengurusan mudah tunai dan pelaburan. Di samping itu, terdapat terbitan bersih bon mata wang asing dan ambilan pinjaman luar pesisir jangka panjang oleh bank sebahagiannya untuk mempelbagaikan struktur kematangan pendanaan masing-masing. Sementara itu, syarikat swasta bukan bank juga mencatat ambilan bersih pinjaman antara syarikat pada suku tersebut.

Pemegangan sekuriti hutang domestik dalam denominasi ringgit oleh bukan pemastautin meningkat sebanyak RM8.4 bilion kepada RM232.3 bilion (akhir bulan Mac 2016: RM223.9 bilion). Sebahagian besar perolehan adalah dalam sekuriti hutang domestik Kerajaan Persekutuan, iaitu MGS dan Terbitan Pelaburan Kerajaan Persekutuan. Secara lebih khusus, pemegangan bon Kerajaan Persekutuan oleh bukan pemastautin meningkat kepada 34.1% daripada nilai terkumpul atau RM209.7 bilion pada akhir bulan Julai 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM186.7 bilion). Kebanyakan pelabur ini ialah pelabur jangka panjang, terutamanya pengurus aset, bank-bank pusat dan kumpulan wang simpanan, yang mencerminkan sentimen ekonomi Malaysia yang meningkat. Sebaliknya, pemegangan nota Monetari Bank Negara Malaysia oleh bukan pemastautin terus menyusut kepada RM12.9 bilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM21.1 bilion).

Secara keseluruhan, hutang luar negeri Malaysia kekal terurus, dengan lebih separuh daripada jumlah hutang luar negeri terkumpul terdiri daripada hutang jangka sederhana dan jangka panjang (60.7%). Hutang luar negeri jangka pendek lebih rendah sedikit pada suku tersebut dan mencakupi hanya

**Pemegangan Bon Kerajaan Persekutuan oleh Bukan Pemastautin**




Sumber: Bank Negara Malaysia

39.3% daripada jumlah hutang luar negeri (akhir bulan Mac 2016: 40.6%). Rizab antarabangsa memadai untuk membiayai 1.2 kali hutang luar negeri jangka pendek. Kira-kira dua pertiga daripada hutang luar negeri jangka pendek dipegang oleh sektor perbankan, tidak kesemuanya memerlukan tuntutan terhadap rizab antarabangsa kerana hutang ini sebahagiannya ditampung oleh aset luaran bank yang sepadan. Sebahagian besar daripada baki hutang luar negeri jangka pendek dicakupi oleh kredit perdagangan dan pinjaman antara syarikat. Kredit perdagangan sebahagian besarnya ditampung oleh perolehan eksport, manakala pinjaman antara syarikat secara amnya berdasarkan terma yang fleksibel dan lebih mudah, misalnya tanpa jadual pembayaran balik yang tetap dan kadar faedah sifar atau rendah.

## Rizab antarabangsa kekal lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa

Rizab antarabangsa Bank Negara Malaysia meningkat kepada RM390.4 bilion (bersamaan dengan USD97.2 bilion) pada 30 Jun 2016 (akhir bulan Mac: RM381.5 bilion; USD97.0 bilion). Paras rizab ini telah mengambil kira pelarasan suku tahunan bagi perubahan penilaian semula pertukaran asing.

Pada 29 Julai 2016, kedudukan rizab berjumlah RM391.1 bilion (bersamaan dengan USD97.3 bilion). Paras rizab antarabangsa kekal

**Rizab Antarabangsa Bersih (pada akhir tempoh)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

lebih daripada mencukupi untuk memudahkan urus niaga antarabangsa. Paras rizab memadai untuk membiayai 8.1 bulan import tertangguh, jauh lebih tinggi berbanding dengan paras ambang antarabangsa iaitu 3 bulan. Paras rizab ini juga mencukupi untuk memenuhi obligasi luaran memandangkan perlindungan rizab kepada hutang luar negeri jangka pendek adalah sebanyak 1.2 kali. Penting untuk diketahui bahawa bukan semua hutang luar negeri jangka pendek memerlukan tuntutan terhadap rizab memandangkan peminjam mempunyai aset luaran dan perolehan eksport.

## Perbelanjaan Kerajaan meningkat

Pada suku kedua 2016, perbelanjaan Kerajaan Persekutuan meningkat 5.8%, disebabkan terutamanya oleh perbelanjaan pembangunan yang lebih tinggi. Perbelanjaan pembangunan meningkat 43.9% pada asas tahunan (S1 2016: 16.1%) dan disalurkan terutamanya kepada sektor *pengangkutan* dan *perdagangan dan industri*. Perbelanjaan mengurus mencatat kadar pertumbuhan tahunan lebih perlahan iaitu 0.5% (S1 2016: 3.5%), mencerminkan langkah rasionalisasi perbelanjaan Kerajaan, seperti ditunjukkan oleh penurunan ketara *subsidi* dan *pemberian dan serahan*. Hasil menurun 14.0% (S1 2016: -5.3%), disebabkan terutamanya oleh kutipan cukai pendapatan individu yang lebih rendah. Secara

**Kewangan Kerajaan Persekutuan**




a Awalan

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia

**Kewangan Kerajaan Persekutuan[a]**

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| Hasil | 55.3 | 106.8 | 48.8 | 47.5 | 96.3 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *4.9* | *4.9* | *-5.3* | *-14.0* | *-9.8* |
| Perbelanjaan mengurus | 51.8 | 107.3 | 57.4 | 52.1 | 109.5 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *0.2* | *0.3* | *3.5* | *0.5* | *2.1* |
| **Akaun semasa** | **3.4** | **-0.5** | **-8.6** | **-4.6** | **-13.2** |
| ***% daripada KDNK*** | ***1.2*** | ***-0.1*** | ***-2.9*** | ***-1.5*** | ***-2.2*** |
| Perbelanjaan pembangunan bersih | 7.3 | 15.1 | 9.2 | 10.4 | 19.6 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *3.5* | *8.3* | *16.1* | *43.9* | *29.4* |
| **Imbangan keseluruhan** | **-3.8** | **-15.6** | **-17.7** | **-15.0** | **-32.8** |
| ***% daripada KDNK*** | ***-1.4*** | ***-2.8*** | ***-6.1*** | ***-5.0*** | ***-5.6*** |
| ***Memo:*** | | | | | |
| Jumlah perbelanjaan bersih | 59.1 | 122.4 | 66.5 | 62.5 | 129.0 |
| *% pertumbuhan tahunan* | *0.6* | *1.2* | *5.1* | *5.8* | *5.4* |
| Jumlah hutang Kerajaan Persekutuan[1] | | | | | |
| (pada akhir tempoh) | 627.5 | 627.5 | 626.9 | 655.7 | 655.7 |
| *% daripada KDNK* | *54.2* | *54.2* | *51.0* | *53.4* | *53.4* |
| Hutang dalam negeri | 429.2 | 429.2 | 416.7 | 424.9 | 424.9 |
| *% daripada KDNK* | *37.1* | *37.1* | *33.9* | *34.6* | *34.6* |
| Hutang luar negeri | 198.3 | 198.3 | 210.2 | 230.8 | 230.8 |
| *% daripada KDNK* | *17.1* | *17.1* | *17.1* | *18.8* | *18.8* |
| *Pemegangan hutang Kerajaan Persekutuan dalam denominasi RM oleh bukan pemastautin* | *179.5* | *179.5* | *190.2* | *206.2* | *206.2* |
| *% daripada KDNK* | *15.5* | *15.5* | *15.5* | *16.8* | *16.8* |
| *Peminjaman luar pesisir* | *18.8* | *18.8* | *19.9* | *24.7* | *24.7* |
| *% daripada KDNK* | *1.6* | *1.6* | *1.6* | *2.0* | *2.0* |

[a] Awalan

[1] Sebahagian daripada hutang Kumpulan Wang Pinjaman Perumahan berjumlah RM21.9 bilion (1.8% daripada anggaran KDNK untuk tahun 2016) telah dipindahkan kepada badan berkanun baharu untuk pinjaman perumahan penjawat awam (Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam, LPPSA) mulai tahun 2016

Nota: Mulai suku pertama 2015, tahun asas bagi KDNK telah dikemaskinikan kepada tahun 2010 daripada tahun 2005

Sumber: Kementerian Kewangan Malaysia dan Bank Negara Malaysia

keseluruhan, Kerajaan Persekutuan mencatat defisit lebih rendah sebanyak 5.0% daripada KDNK (S1 2016: -6.1% daripada KDNK) pada suku tersebut. Pada akhir bulan Jun 2016, jumlah hutang terkumpul Kerajaan Persekutuan adalah sebanyak RM655.7 bilion atau 53.4% daripada anggaran KDNK tahun 2016.

# PERKEMBANGAN MONETARI DAN KEWANGAN

## Kadar faedah kekal stabil

Jawatankuasa Dasar Monetari (Monetary Policy Committee, MPC) mengekalkan Kadar Dasar Semalaman (Overnight Policy Rate, OPR) pada 3.25% pada suku kedua 2016. Pada suku ini, kadar antara bank semalaman purata diniagakan dalam julat 3.05% hingga 3.24% manakala kadar antara bank jangka pendek lain dengan tempoh matang sehingga 1 bulan kekal stabil. Kadar Tawaran Antara Bank Kuala Lumpur (KLIBOR), seperti juga niaga hadapan KLIBOR, terus menjadi sederhana berikutan berkurangnya keperluan pendanaan jangka panjang oleh peserta antara bank. Swap kadar faedah terus menunjukkan trend yang menurun pada suku ini, mencerminkan kadar hasil lebih rendah Sekuriti Kerajaan Malaysia (MGS). Kadar asas (BR) purata berwajaran bagi bank perdagangan dan kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran secara relatif kekal stabil pada suku kedua, masing-masing pada 3.83% dan 5.42% (S1 2016: masing-masing 3.79% dan 5.41%).

Pada 13 Julai 2016, MPC memutuskan untuk mengurangkan OPR sebanyak 25 mata asas kepada 3.00%. Pelarasan terhadap OPR ini bertujuan untuk menyesuaikan tahap akomodatif monetari agar terus konsisten dengan pendirian dasar untuk memastikan ekonomi dalam negeri terus berada pada landasan pertumbuhan yang stabil dalam keadaan inflasi yang stabil, disokong oleh pengantaraan kewangan dalam ekonomi yang terus kukuh. Keadaan ini berlatarkan persekitaran peningkatan risiko bahawa pertumbuhan global akan menjadi lebih rendah. Berikutan pengurangan OPR, KLIBOR 3 bulan menyusut 25 mata asas daripada 3.65% kepada 3.40%. Pada akhir bulan Julai, BR purata wajaran bank perdagangan menurun sebanyak 21 mata asas kepada 3.62% (akhir bulan Jun: 3.83%), dengan kebanyakan bank menurunkan BR antara 20 hingga 25 mata asas. Oleh itu, kadar deposit tetap secara purata merosot sebanyak 18 mata asas untuk tempoh matang 1 tahun atau kurang.

**Kadar Faedah**

| | 2015 | 2016 | |
|---|---|---|---|
| | S2 | S1 | S2 |
| | Pada akhir tempoh (%) | | |
| Kadar Dasar Semalaman (OPR) | 3.25 | 3.25 | 3.25 |
| Kadar antara bank | | | |
| Semalaman | 3.24 | 3.04 | 3.13 |
| 1 bulan | 3.48 | 3.25 | 3.44 |
| Kadar pinjaman asas (BLR) | | | |
| Bank perdagangan | 6.79 | 6.80 | 6.82 |
| Kadar asas purata berwajaran (BR) | | | |
| Bank perdagangan | 3.79 | 3.79 | 3.83 |
| Kadar pinjaman purata (ALR) berwajaran | | | |
| Bank perdagangan | 5.44 | 5.41 | 5.42 |
| Kadar deposit tetap | | | |
| Bank perdagangan | | | |
| 1 bulan | 3.08 | 3.08 | 3.08 |
| 12 bulan | 3.31 | 3.31 | 3.29 |

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Purata Wajaran Harian bagi Kadar Antara Bank Semalaman**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Kadar Pinjaman Bank Perdagangan (Pada akhir tempoh)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Swap Kadar Faedah: Kadar Faedah**




Sumber: Bloomberg

**Niaga Hadapan KLIBOR 3 Bulan**




Sumber: Bursa Malaysia

## M3 berkembang pada suku kedua

Wang secara kecil atau M1 meningkat sebanyak RM9.7 bilion pada suku kedua. Pada asas tahunan, M1 meningkat 0.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: -1.7%). Wang secara luas atau M3 meningkat sebanyak RM7.0 bilion pada asas suku tahunan untuk mencatat pertumbuhan tahunan 1.9% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac: 0.9%).

Dari segi penentu wang secara luas, peningkatan M3 pada suku tersebut didorong terutamanya oleh pemberian kredit yang berterusan oleh sistem perbankan kepada sektor swasta. Walau bagaimanapun, peningkatan ini telah diimbangi sebahagiannya oleh terbitan ekuiti secara berterusan oleh bank-bank dan pengelasan semula Akaun Pelaburan Islam pada bulan Julai 2015, yang kesemuanya dicerminkan dalam komponen *pengaruh lain*.

Dalam sistem perbankan, keadaan mudah tunai kekal lebih daripada mencukupi pada peringkat institusi dan seluruh sistem. Paras lebihan mudah tunai yang ditempatkan di Bank Negara Malaysia secara relatif kekal stabil pada suku tersebut.

**Agregat Monetari**




Nota: Mulai bulan Julai 2015, penyusunan M3 diselaraskan untuk tidak mengambil kira Akaun Pelaburan Islam (Islamic Investment Account, IA) disebabkan oleh pengelasan semula data. Ini dicerminkan sebagai sumbangan negatif melalui *pengaruh lain*. Garis titik mewakili pertumbuhan M3 sekiranya pengelasan semula ini tidak dilaksanakan

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Mudah Tunai Terkumpul di Bank Negara Malaysia (Pada akhir tempoh, RM bilion)**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Penentu Wang Secara Luas, M3**

| | Perubahan pada tempoh | | | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | | 2016 | | |
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| **M3** | **-7.5** | **27.9** | **9.4** | **7.0** | **16.5** |
| Tuntutan bersih terhadap Kerajaan | -20.4 | -25.1 | -0.9 | -1.9 | -2.8 |
| Tuntutan terhadap sektor swasta | 23.2 | 51.6 | 11.2 | 22.3 | 33.5 |
| *Pinjaman* | *22.3* | *47.5* | *10.6* | *16.9* | *27.5* |
| *Sekuriti* | *0.9* | *4.1* | *0.6* | *5.5* | *6.0* |
| Aset asing bersih[1] | -3.5 | 2.6 | -19.7 | 7.8 | -11.9 |
| *BNM* | *8.2* | *-9.0* | *-26.9* | *8.6* | *-18.3* |
| *Sistem Perbankan* | *-11.7* | *11.7* | *7.2* | *-0.8* | *6.4* |
| Pengaruh lain | -6.7 | -1.3 | 18.8 | -21.2 | -2.4 |

[1] Selepas penilaian semula
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan sektor swasta kekal kukuh pada suku kedua

Pada suku kedua, jumlah pembiayaan kasar yang diperoleh sektor swasta melalui sistem perbankan, institusi kewangan pembangunan (IKP), dan pasaran modal berjumlah RM292.1 bilion (S1 2016: RM290.8 bilion). Pada asas bersih, pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan, IKP, dan terbitan bon korporat terkumpul berkembang 6.9% pada akhir bulan Jun (akhir Mac 2016: 7.5%).

Pemberian pinjaman bersih kepada perniagaan oleh sistem perbankan dan IKP meningkat sebanyak RM3.1 bilion pada suku kedua (S1 2016: -RM4.8 bilion). Pada asas tahunan, pinjaman perniagaan terkumpul meningkat lebih perlahan pada 3.8% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 4.9%) disebabkan oleh pertumbuhan lebih kukuh dalam pembayaran balik pinjaman berbanding pengeluaran pinjaman. Walaupun pertumbuhan dalam jumlah pinjaman yang dikeluarkan oleh sistem perbankan dan IKP kepada perniagaan menurun kepada 0.1% pada asas tahunan, paras pinjaman yang dikeluarkan kepada PKS meningkat kepada RM66.4 bilion pada suku kedua 2016 (S2 2015: RM65.4 bilion) dengan pinjaman diberikan terutamanya kepada sektor *pembinaan*, *harta tanah* dan *pertanian*.

Pembiayaan bersih kepada sektor isi rumah berkembang sebanyak RM12.4 bilion pada suku kedua (S1 2016: RM8.5 bilion). Pada asas tahunan, pertumbuhan pinjaman isi rumah terkumpul menjadi sederhana kepada 6.2% pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 6.5%), mencerminkan terutamanya pinjaman terkumpul yang lebih sederhana untuk *pembelian harta bukan kediaman*, *pembelian kereta penumpang*, dan *pembelian harta kediaman*.

**Pembiayaan Kasar Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) dan Pasaran Modal**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Pemberian Pinjaman kepada PKS**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan Sektor Swasta Melalui Sistem Perbankan, IKP dan Pasaran Modal

| | 2015 | | 2016 | | | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
| **Jumlah pembiayaan kasar** | **295.5** | **586.2** | **290.8** | **292.1** | **582.9** | **2.2** | **1.2** | **0.0** | **-1.1** | **-0.6** |
| Pengeluaran pinjaman | 272.1 | 547.2 | 271.8 | 269.9 | 541.7 | 2.2 | 2.8 | -1.2 | -0.8 | -1.0 |
| Bon korporat (BK) kasar[1] | 20.1 | 31.1 | 17.9 | 20.1 | 38.0 | 13.5 | -17.7 | 63.0 | 0.1 | 22.3 |
| Ekuiti | 3.3 | 8.0 | 1.1 | 2.1 | 3.1 | -36.4 | -15.0 | -76.8 | -37.4 | -60.5 |
| **Jumlah pembiayaan bersih** | **34.3** | **61.5** | **11.5** | **24.9** | **36.5** | **8.1** | **8.1** | **7.5** | **6.9** | **6.9** |
| Pinjaman terkumpul (Sistem perbankan* dan Institusi Kewangan Pembangunan (IKP) | 27.8 | 51.2 | 4.6 | 17.2 | 21.8 | 8.7 | 8.7 | 6.3 | 5.5 | 5.5 |
| BK terkumpul | 6.4 | 10.2 | 7.0 | 7.7 | 14.7 | 6.1 | 6.1 | 11.4 | 11.5 | 11.5 |
| Memorandum | | | | | | | | | | |
| BK kasar[2] | 20.5 | 31.9 | 18.4 | 20.1 | 38.5 | 10.8 | -18.2 | 60.5 | -1.9 | 20.4 |

* Termasuk pinjaman yang dijual kepada Cagamas
[1] Tidak termasuk Cagamas dan terbitan asing
[2] Termasuk Cagamas dan terbitan asing
Nota: Angka-angka tidak terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pinjaman Mengikut Sektor (Sistem Perbankan dan IKP)

| | Pengeluaran pinjaman | | | | | | Pinjaman terkumpul |
|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Bahagian drpd. jumlah | Bahagian drpd. jumlah |
| | | | | | | (%) | |
| | S2 2015 | ST1 2015 | S1 2016 | S2 2016 | ST1 2016 | | |
| **Perusahaan perniagaan[1,*]** | **194.2** | **387.3** | **195.9** | **194.4** | **390.3** | **72.0** | **42.5** |
| *Syarikat besar[1]* | *128.9* | *254.1* | *133.5* | *128.0* | *261.5* | *48.3* | *24.6* |
| *PKS** | *65.4* | *133.2* | *62.4* | *66.4* | *128.8* | *23.8* | *17.8* |
| *Sektor terpilih[1]* | | | | | | | |
| Pertanian, pemburuan, perhutanan dan perikanan | 11.5 | 21.1 | 12.0 | 12.4 | 24.4 | 4.5 | 2.8 |
| Perlombongan dan kuari | 4.3 | 11.4 | 1.8 | 2.1 | 3.9 | 0.7 | 0.7 |
| Perkilangan | 52.3 | 103.2 | 49.9 | 49.5 | 99.3 | 18.3 | 6.4 |
| Pembinaan | 15.7 | 33.5 | 17.2 | 16.6 | 33.8 | 6.2 | 4.6 |
| Harta tanah | 12.1 | 25.3 | 12.6 | 14.7 | 27.4 | 5.0 | 6.4 |
| Bekalan elektrik, gas dan air | 2.6 | 5.0 | 2.4 | 2.7 | 5.1 | 0.9 | 0.8 |
| Perdagangan borong dan runcit, restoran dan hotel | 50.0 | 97.7 | 49.1 | 51.1 | 100.2 | 18.5 | 6.9 |
| Pengangkutan, penyimpanan dan komunikasi | 6.8 | 13.5 | 5.6 | 8.3 | 13.9 | 2.6 | 2.5 |
| Kewangan, insurans dan perkhidmatan perniagaan | 23.4 | 48.5 | 28.7 | 26.5 | 55.1 | 10.2 | 3.2 |
| **Isi rumah** | **77.9** | **159.8** | **75.9** | **75.6** | **151.5** | **28.0** | **57.5** |
| Pembelian harta kediaman | 21.8 | 43.1 | 20.3 | 19.7 | 40.0 | 7.4 | 27.5 |
| Kredit penggunaan | 45.1 | 92.8 | 45.9 | 46.8 | 92.7 | 17.1 | 19.8 |
| *Antaranya:* | | | | | | | |
| *Kad kredit* | *24.3* | *50.9* | *26.3* | *26.2* | *52.5* | *9.7* | *2.2* |
| *Pembelian kereta penumpang* | *9.5* | *20.4* | *8.7* | *8.6* | *17.3* | *3.2* | *9.2* |
| Lain-lain | 11.0 | 24.0 | 9.7 | 9.1 | 18.8 | 3.5 | 10.2 |
| **Jumlah** | **272.1** | **547.2** | **271.8** | **269.9** | **541.7** | **100.0** | **100.0** |

* Termasuk pinjaman kepada perniagaan individu.
[1] Termasuk institusi kewangan domestik, Kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing.
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Penunjuk Pinjaman

| | Pada tempoh (RM bilion) | | | | | Pertumbuhan tahunan (%) | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | 2015 | | 2016 | | | 2015 | | 2016 | | |
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| **Jumlah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman[1] | 208.2 | 386.8 | 187.7 | 212.6 | 400.3 | 0.5 | -1.6 | 5.1 | 2.1 | 3.5 |
| Kelulusan pinjaman[1] | 102.5 | 196.5 | 76.7 | 89.5 | 166.2 | 4.5 | 3.8 | -18.4 | -12.7 | -15.4 |
| Pengeluaran pinjaman[2] | 272.1 | 547.2 | 271.8 | 269.9 | 541.7 | 2.2 | 2.8 | -1.2 | -0.8 | -1.0 |
| Bayaran balik pinjaman[2] | 252.0 | 518.7 | 275.8 | 264.7 | 540.5 | 2.1 | 3.6 | 3.4 | 5.0 | 4.2 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul*[,2] | 27.8 | 51.2 | 4.6 | 17.2 | 21.8 | 8.7 | 8.7 | 6.3 | 5.5 | 5.5 |
| **Antaranya:** | | | | | | | | | | |
| **Perusahaan perniagaan[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 97.8 | 176.3 | 87.8 | 102.7 | 190.5 | 7.2 | -0.7 | 12.0 | 5.0 | 8.1 |
| Kelulusan pinjaman | 47.0 | 86.9 | 35.7 | 43.6 | 79.3 | 33.8 | 24.2 | -10.4 | -7.2 | -8.7 |
| Pengeluaran pinjaman | 194.2 | 387.3 | 195.9 | 194.4 | 390.3 | 5.0 | 3.8 | 1.4 | 0.1 | 0.8 |
| Bayaran balik pinjaman | 182.2 | 377.0 | 201.0 | 192.5 | 393.5 | 1.8 | 3.9 | 3.2 | 5.6 | 4.4 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 9.1 | 18.9 | -4.8 | 3.1 | -1.6 | 8.0 | 8.0 | 4.9 | 3.8 | 3.8 |
| **PKS** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 50.8 | 93.2 | 41.0 | 47.0 | 87.9 | 9.0 | 3.5 | -3.3 | -7.5 | -5.6 |
| Kelulusan pinjaman | 16.8 | 32.7 | 14.2 | 16.6 | 30.7 | 3.7 | 4.6 | -10.9 | -1.5 | -6.1 |
| Pengeluaran pinjaman | 65.4 | 133.2 | 62.4 | 66.4 | 128.8 | 12.4 | 16.0 | -8.1 | 1.6 | -3.3 |
| Bayaran balik pinjaman | 62.4 | 123.7 | 61.8 | 67.5 | 129.3 | 13.8 | 13.9 | 0.9 | 8.1 | 4.5 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 7.0 | 22.0 | 2.9 | 8.1 | 11.0 | 16.7 | 16.7 | 9.0 | 9.2 | 9.2 |
| **Syarikat besar[3]** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 47.0 | 83.1 | 46.8 | 55.7 | 102.6 | 5.4 | -5.0 | 29.9 | 18.5 | 23.4 |
| Kelulusan pinjaman | 30.2 | 54.2 | 21.6 | 27.1 | 48.6 | 59.7 | 40.1 | -10.0 | -10.4 | -10.2 |
| Pengeluaran pinjaman | 128.9 | 254.1 | 133.5 | 128.0 | 261.5 | 1.6 | -1.7 | 6.6 | -0.7 | 2.9 |
| Bayaran balik pinjaman | 119.8 | 253.3 | 139.2 | 125.0 | 264.2 | -3.5 | -0.5 | 4.3 | 4.3 | 4.3 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 2.1 | -3.1 | -7.7 | -5.0 | -12.7 | 1.5 | 1.5 | 1.5 | -0.9 | -0.9 |
| **Isi rumah** | | | | | | | | | | |
| Permohonan pinjaman | 110.4 | 210.5 | 99.9 | 109.9 | 209.7 | -4.8 | -2.3 | -0.2 | -0.5 | -0.4 |
| Kelulusan pinjaman | 55.0 | 108.6 | 40.6 | 45.9 | 86.0 | -11.9 | -8.1 | -24.3 | -17.3 | -20.8 |
| Pengeluaran pinjaman | 77.9 | 159.8 | 75.9 | 75.6 | 151.5 | -4.2 | 0.4 | -7.4 | -3.0 | -5.2 |
| Bayaran balik pinjaman | 69.8 | 141.8 | 74.8 | 72.2 | 147.0 | 2.8 | 2.9 | 3.9 | 3.5 | 3.7 |
| Perubahan dalam pinjaman terkumpul* | 14.1 | 31.6 | 8.5 | 12.4 | 21.0 | 8.6 | 8.6 | 6.5 | 6.2 | 6.2 |

* Pertumbuhan tahunan adalah bagi akhir tempoh
[1] Permohonan dan kelulusan pinjaman bagi semua segmen merangkumi sistem perbankan sahaja
[2] Pengeluaran, bayaran balik dan perubahan pinjaman terkumpul bagi semua segmen meliputi sistem perbankan dan institusi pembangunan kewangan (IKP)
[3] Termasuk institusi kewangan domestik, Kerajaan, entiti domestik lain dan entiti asing, kecuali pinjaman terkumpul yang merujuk kepada perniagaan sahaja
Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Pembiayaan bersih lebih tinggi daripada pasaran modal

Dana bersih yang diperoleh dalam pasaran modal meningkat kepada RM33.4 bilion pada suku kedua 2016 (S1 2016: RM25.4 bilion). Sebahagian besar dana diperoleh sektor awam (RM23.6 bilion) melalui terbitan baharu Sekuriti Kerajaan Malaysia (Malaysian Government Securities, MGS) 5 tahun dan 10 tahun, serta pembukaan semula MGS 7 tahun, 20 tahun, dan 30 tahun dan Terbitan Pelaburan Kerajaan (Government Investment Issues, GII) 7 tahun, 10 tahun dan 15 tahun. Penebusan hutang Kerajaan lebih rendah pada RM2.2 bilion (S1 2016: RM7.0 bilion) dalam tempoh itu lantas menyumbang kepada peningkatan dana bersih yang diperoleh sektor awam.

## Dana Bersih yang Diperoleh dalam Pasaran Modal

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM bilion | | | | |
| **Oleh Sektor Awam** | **30.1** | **43.3** | **18.7** | **23.6** | **42.3** |
| Sekuriti Kerajaan, Kasar | 30.1 | 57.1 | 25.7 | 25.6 | 51.5 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | 12.5 | 26.0 | 12.1 | 16.2 | 28.3 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan | 14.1 | 23.6 | 13.6 | 9.6 | 23.2 |
| Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan | 3.5 | 7.5 | - | - | - |
| Tolak: Penebusan | - | 13.8 | 7.0 | 2.2 | 9.2 |
| Sekuriti Kerajaan Malaysia | - | 11.8 | - | 2.2 | 2.2 |
| Terbitan Pelaburan Kerajaan | - | 2.0 | 7.0 | - | 7.0 |
| Sukuk Pinjaman Perumahan Kerajaan | - | - | - | - | - |
| **Oleh Sektor Swasta** | **9.1** | **17.4** | **6.7** | **9.8** | **16.5** |
| Saham | 3.3 | 8.0 | 1.1 | 2.1 | 3.1 |
| Bon korporat, Bersih | 5.8 | 9.4 | 5.6 | 7.7 | 13.3 |
| *Bon korporat, Kasar* | *20.5* | *31.9* | *18.4* | *20.1* | *38.5* |
| *Tolak: Penebusan* | *14.7* | *22.5* | *12.7* | *12.4* | *25.1* |
| **Jumlah** | **39.3** | **60.7** | **25.4** | **33.4** | **58.8** |

Nota: Angka-angka tidak semestinya terjumlah disebabkan oleh penggenapan

Sumber: Bank Negara Malaysia dan Bursa Malaysia

**Tebitan Bon Korporat Mengikut Tujuan (% daripada jumlah)**




[1] Termasuk terbitan untuk tujuan modal kerja dan aktiviti perniagaan am dan juga terbitan oleh bukan pemastautin dan Cagamas

Sumber: Bank Negara Malaysia

**Arah Aliran Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Kadar Hasil Sekuriti Kerajaan Malaysia 5 tahun dan Kadar Hasil Bon Korporat 5 tahun**




Sumber: Bank Negara Malaysia

Dalam sektor swasta, dana bersih yang diperoleh juga lebih tinggi pada RM9.8 bilion (S1 2016: RM6.7 bilion) disebabkan terutamanya oleh terbitan bersih bon korporat yang lebih tinggi. Dana yang diperoleh dalam pasaran bon swasta adalah terutamanya daripada sektor *Kewangan*, *Insurans*, *Harta Tanah* dan *Perkhidmatan Perniagaan* serta *Pertanian*, *Perhutanan* dan *Perikanan*, dan digunakan terutamanya untuk membiayai projek infrastruktur, modal kerja dan aktiviti perniagaan am.

## Kadar hasil bon terus menurun pada suku kedua

Trend kadar hasil MGS terus menurun hampir sepanjang suku kedua, terutamanya bagi kertas bertempoh sederhana hingga panjang, disebabkan pembelian oleh bukan pemastautin. Hal ini mencerminkan terutamanya pencarian kadar hasil yang lebih tinggi dalam kalangan pelabur bukan pemastautin dalam pasaran bon berdaulat pasaran sedang pesat membangun, termasuk Malaysia, berikutan peningkatan jangkaan pasaran bahawa terdapat kelewatan dalam kenaikan kadar dasar AS. Pelabur bukan pemastautin menambah pemegangan MGS sebanyak RM10.5 bilion pada suku kedua. Pada akhir bulan Jun 2016, bahagian pemegangan MGS oleh bukan pemastautin mencapai paras tertinggi dalam sejarah sebanyak 49.8% daripada jumlah MGS terkumpul (Mei 2013: 49.5%). Oleh itu, kadar hasil MGS 3 tahun, 5 tahun dan 10 tahun masing-masing menurun 6.8, 5.9 dan 5.8 mata asas. Dalam pasaran bon swasta, kadar hasil kekal stabil disebabkan permintaan daripada pelabur domestik yang berterusan.

**Nisbah Mudah Tunai: Nilai Bon yang Diurusniagakan / Nilai Terkumpul**




Sumber: Bank Negara Malaysia

## Urus niaga lebih tinggi dalam pasaran bon

Urus niaga dalam pasaran sekunder lebih tinggi pada RM286.9 bilion pada suku kedua (S1 2016: RM254.1 bilion) mencerminkan urus niaga bukan pemastautin dan institusi kewangan yang meningkat. Peningkatan jumlah pusing ganti tertumpu terutamanya pada urus niaga MGS yang mencatat nisbah mudah tunai yang lebih tinggi iaitu 0.44. Segmen bon korporat secara relatif kekal tidak berubah pada 0.08 manakala GII mencatat nisbah mudah tunai yang lebih rendah pada 0.37.

## FBM KLCI menurun pada suku kedua

Pada suku kedua 2016, FBM (FTSE Bursa Malaysia) KLCI menurun 3.7% untuk ditutup pada 1,654.1 mata pada akhir bulan Jun (akhir bulan Mac 2016: 1,717.6 mata).

Trend menurun dalam FBM KLCI amat jelas terutamanya antara akhir bulan April hingga bulan Mei 2016. Penurunan dalam tempoh ini adalah sejajar dengan kebanyakan pasaran ekuiti serantau apabila sentimen pasaran dunia terus terjejas oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS dan turun naik harga minyak mentah dunia. Penurunan ini juga mencerminkan pelupusan pelaburan oleh pelabur bukan pemastautin disebabkan oleh penurunan wajaran Malaysia dalam Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun iaitu tanda aras global bagi ekuiti pasaran sedang pesat membangun. Perkembangan dalam negara yang menyebabkan sentimen pelabur menjadi lebih lemah juga menambah tekanan ke bawah terhadap indeks. Pada bulan Jun, FBM KLCI pulih sedikit kerana pasaran menjangkakan kelewatan dalam kenaikan kadar dasar AS di samping harga minyak dunia yang bertambah baik.

Secara keseluruhan, permodalan pasaran menurun kepada RM1.66 trilion pada akhir bulan Jun 2016 (akhir bulan Mac 2016: RM1.71 trilion) manakala urus niaga purata harian menurun sedikit kepada 1.77 bilion unit (S1 2016: 1.88 bilion unit) pada suku tersebut.

Pada 10 Ogos 2016, KLCI ditutup lebih tinggi pada 1673.0 mata (sejak akhir bulan Jun 2016: 1.1%), dengan permodalan pasaran sebanyak RM1.69 trilion (sejak akhir bulan Jun 2016: 2.0%).

**Prestasi Pasaran Ekuiti Global dan Serantau Terpilih pada 2016 (% pertumbuhan suku tahunan)**




Sumber: Bloomberg dan pengiraan oleh Bank Negara Malaysia

**Bursa Malaysia: Penunjuk Pasaran Terpilih**

| | 2015 | 2016 | |
|---|---|---|---|
| | Pada akhir | | |
| | Jun | Mac | Jun |
| Indeks harga | | | |
| Komposit | 1,706.6 | 1,717.6 | 1,654.1 |
| FBMEMAS[1] | 11,771.9 | 11,920.8 | 11,530.2 |
| Pasaran ACE[2] | 6,220.3 | 5,637.0 | 5,145.1 |
| Permodalan pasaran (RM bilion) | 1,659.0 | 1,707.4 | 1,660.3 |
| Bilangan syarikat yang disenaraikan | 905 | 904 | 905 |
| | Pada tempoh | | |
| | S2 | S1 | S2 |
| Urus niaga harian purata | | | |
| Jumlah (juta unit) | 1,918.0 | 1,875.8 | 1,770.6 |
| Nilai (RM juta) | 2,002.1 | 2,052.2 | 1,996.4 |

[1] FBMEMAS mewakili pasaran Indeks FTSE Bursa Malaysia EMAS
[2] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

**Bursa Malaysia: Urus Niaga Pasaran**

| | 2015 | | | | 2016 | | | | | |
|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | | ST1 | | S1 | | S2 | | ST1 | |
| | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion | Bilion unit | RM bilion |
| Urus niaga | 120.8 | 126.1 | 245.2 | 254.6 | 112.5 | 124.1 | 111.5 | 125.8 | 224.1 | 249.9 |
| *Antaranya:* | | | | | | | | | | |
| Papan Utama | 72.7 | 114.1 | 148.5 | 231.8 | 76.3 | 117.0 | 75.3 | 118.9 | 151.5 | 235.9 |
| *Antaranya* | | | | | | | | | | |
| Produk Pengguna | 6.2 | 6.2 | 13.7 | 12.6 | 8.8 | 7.3 | 8.1 | 6.9 | 16.9 | 14.2 |
| Produk Industri | 14.3 | 12.4 | 27.0 | 23.4 | 14.6 | 19.3 | 14.2 | 15.7 | 28.8 | 35.0 |
| Pembinaan | 4.6 | 7.0 | 8.3 | 12.9 | 4.1 | 5.3 | 3.9 | 5.2 | 8.0 | 10.6 |
| Dagangan/Khidmat | 31.2 | 52.1 | 63.9 | 107.6 | 30.7 | 48.0 | 30.9 | 51.5 | 61.6 | 99.5 |
| Kewangan | 3.0 | 18.3 | 6.4 | 39.6 | 3.1 | 20.1 | 3.6 | 23.6 | 6.7 | 43.7 |
| Harta Benda | 5.3 | 4.9 | 10.7 | 9.7 | 6.4 | 3.4 | 5.6 | 3.3 | 11.9 | 6.7 |
| Perladangan | 1.0 | 3.4 | 2.0 | 6.9 | 1.6 | 5.9 | 1.5 | 5.6 | 3.1 | 11.5 |
| Infrastruktur | 1.1 | 5.3 | 2.1 | 9.7 | 0.8 | 3.2 | 0.7 | 2.8 | 1.5 | 6.0 |
| Pasaran ACE[1] | 40.3 | 9.9 | 81.5 | 18.7 | 20.5 | 4.1 | 23.2 | 4.5 | 43.8 | 8.6 |

[1] Mulai 3 Ogos 2009, pasaran MESDAQ digantikan dengan Pasaran ACE

Sumber: Bursa Malaysia

## Kelemahan ringgit disebabkan terutamanya oleh faktor luaran

Ringgit dan kebanyakan mata wang serantau menyusut nilai berbanding dengan dolar Amerika Syarikat (AS) pada suku kedua disebabkan oleh ketidaktentuan berhubung dengan dasar monetari AS. Walau bagaimanapun, ringgit menghadapi tekanan susut nilai yang lebih besar disebabkan turun naik harga minyak mentah dunia yang berterusan dan wajaran lebih rendah yang diberikan kepada beberapa saham Malaysia semasa proses pengimbangan semula Indeks MSCI Pasaran Sedang Pesat Membangun. Namun, sebahagian daripada penyusutan nilai ini telah diimbangi pada bulan Jun berikutan timbul semula jangkaan bahawa kenaikan kadar faedah AS akan ditangguhkan berikutan pengumuman data pasaran guna tenaga AS yang lebih lemah daripada jangkaan.

Secara keseluruhan, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS pada suku kedua. Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan euro (-0.6%) dan yen Jepun (-10.9%), namun menambah nilai berbanding dengan paun sterling (4.3%) dan dolar Australia (0.4%). Ringgit juga menyusut nilai berbanding dengan kebanyakan mata wang serantau antara 0.4% hingga 3.2%.

**Ringkasan Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih**

Peratus Perubahan (1 April - 30 Jun 2016)




Sumber: Bank Negara Malaysia

Antara 1 Julai hingga 10 Ogos 2016, ringgit menambah nilai berbanding dengan dolar AS (0.7%). Ringgit juga menambah nilai berbanding dengan paun sterling (3.2%) dan euro (0.2%) tetapi menyusut nilai berbanding dengan yen Jepun (-0.7%) dan dolar Australia (-2.7%). Ringgit mencatat prestasi bercampur-campur berbanding dengan mata wang serantau.

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Serantau**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Utama**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Prestasi Ringgit Berbanding dengan Mata Wang Terpilih**

| RM bagi satu unit mata wang asing | Pada akhir tempoh | | | % perubahan sejak* | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 2015 | S1 2016 | S2 2016 | S2 2015 | S1 2016 |
| Dolar AS | 3.7855 | 3.9220 | 4.0225 | -5.9 | -2.5 |
| Euro | 4.2364 | 4.4377 | 4.4664 | -5.2 | -0.6 |
| Paun sterling | 5.9527 | 5.6234 | 5.3910 | 10.4 | 4.3 |
| Dolar Australia | 2.9059 | 3.0009 | 2.9899 | -2.8 | 0.4 |
| 100 yen Jepun | 3.0946 | 3.4892 | 3.9145 | -20.9 | -10.9 |
| Dolar Singapura | 2.8096 | 2.9023 | 2.9816 | -5.8 | -2.7 |
| 100 baht Thailand | 11.205 | 11.134 | 11.428 | -2.0 | -2.6 |
| 100 peso Filipina | 8.3899 | 8.5233 | 8.5599 | -2.0 | -0.4 |
| 100 rupiah Indonesia | 0.0284 | 0.0295 | 0.0305 | -6.9 | -3.2 |
| 100 won Korea | 0.3384 | 0.3427 | 0.3489 | -3.0 | -1.8 |
| 100 dolar Taiwan Baharu | 12.257 | 12.180 | 12.472 | -1.7 | -2.3 |
| Renminbi China | 0.6099 | 0.6064 | 0.6054 | 0.7 | 0.2 |

* (+) menunjukkan penambahan nilai ringgit berbanding dengan mata wang berkenaan dan (-) menunjukkan penyusutan nilai.

Sumber: Bank Negara Malaysia

## Turun naik yang lebih ketara dalam pasaran kewangan menyebabkan peningkatan permintaan untuk derivatif pertukaran asing

Jumlah derivatif pertukaran asing meningkat 20.2% pada asas suku tahunan pada suku kedua 2016 (S1 2016: -8.9%). Peningkatan ini disebabkan terutamanya oleh jumlah swap mata wang bersilang dan swap pertukaran asing yang lebih tinggi, masing-masing sebanyak 42.7% dan 9.6% berbanding dengan suku sebelumnya. Permintaan terhadap perlindungan nilai meningkat dalam tempoh itu disebabkan pasaran mendapati ketidaktentuan dunia yang lebih nyata berikutan keputusan referendum EU di UK, ketidaktentuan mengenai penentuan masa kenaikan kadar faedah Rizab Persekutuan AS, dan kebimbangan terhadap pertumbuhan dunia dalam keadaan data ekonomi yang lemah di seluruh ekonomi utama.

Pada suku kedua, swap mata wang bersilang USD/RM 5 tahun meningkat kepada 88 mata asas daripada 73 mata asas pada suku sebelumnya. Spread tertinggi dicatatkan pada bulan Jun, sejurus selepas referendum EU di UK berikutan kegiatan penghindaran risiko yang meningkat. Pemastautin mencatat jualan yang lebih tinggi apabila pengeksport menggunakan kesempatan ini untuk melindungi nilai dedahan mata wang asing mereka.

## MENGURUSKAN RISIKO TERHADAP KESTABILAN KEWANGAN

### Sistem kewangan domestik kekal berdaya tahan

Kestabilan kewangan berterusan meskipun terdapat ketidaktentuan global berkaitan dengan perkembangan di RR China dan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK. Di dalam negara, kesan langsung daripada keputusan referendum tersebut ke atas institusi kewangan adalah kecil memandangkan dedahan yang terhad terhadap UK. Turun naik pasaran kewangan domestik meningkat pada 24 Jun 2016, namun kembali reda untuk mengakhiri suku itu pada paras di bawah paras yang dicatat pada suku pertama. Keadaan mudah tunai keseluruhan terus menyokong keperluan pembiayaan perniagaan dan isi rumah. Sementara perniagaan dan isi rumah terus membuat penyesuaian terhadap persekitaran yang lebih mencabar dan kos sara hidup yang meningkat, keadaan ini dijangka memberikan impak yang kecil ke atas pendapatan dan kualiti aset institusi kewangan. Dengan adanya sokongan penampan modal dan mudah tunai yang kukuh, institusi kewangan mempunyai keupayaan untuk menghadapi perkembangan ekonomi dan pasaran yang buruk tanpa menjejaskan pengantaraan kewangan domestik.

### Keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah dan perniagaan berterusan

Keupayaan membayar balik hutang oleh peminjam kekal utuh. Kemungkiran pinjaman (diukur oleh pinjaman tertunggak antara satu hingga tiga bulan) tidak berubah pada 2.0% daripada jumlah pinjaman bank. Pinjaman terjejas meningkat sedikit dari segi nilai tetapi kekal rendah pada 1.3% daripada pinjaman bersih (S1 2016: 1.2%). Peruntukan bank terhadap kerugian pinjaman adalah pada 90%. Termasuk rizab pengawalseliaan bagi pinjaman dan pembiayaan, penampan untuk kemungkinan kerugian kredit bagi bank kekal pada tahap yang memuaskan. Dalam industri insurans dan takaful, dedahan kredit secara umumnya stabil pada 4.2% daripada jumlah modal tersedia (S1 2016: 4.3%). Dedahan ini terutamanya dalam bentuk pemegangan Sekuriti Kerajaan Malaysia dan bon korporat yang diberikan penarafan tinggi.

Hutang isi rumah mengekalkan momentum pertumbuhan yang lebih perlahan, dengan meningkat sebanyak 6.2% pada akhir suku kedua (S1 2016: +6.5%; S2 2015: +8.3%). Pembiayaan rumah terus menjadi pemacu utama peningkatan hutang isi rumah. Disokong oleh permintaan yang berterusan untuk rumah mampu milik, pembiayaan rumah meningkat 10.2% (S1 2016: +10.7%; S2 2015: +12%). Keadaan guna tenaga dan pendapatan keseluruhan dijangka kekal menggalakkan dalam keadaan kajian semula terhadap proses dan tenaga kerja sedang dijalankan oleh perniagaan dalam persekitaran semasa. Bersama-sama penilaian kemampuan yang lebih teliti oleh pemberi pinjaman, keadaan ini terus menyokong keupayaan membayar balik hutang oleh isi rumah.

Kebanyakan peminjam isi rumah mempunyai fleksibiliti untuk bertindak balas terhadap kejutan pendapatan dan perbelanjaan sara hidup yang semakin meningkat. Walau bagaimanapun, peminjam yang mempunyai leveraj (hutang) tinggi dalam kumpulan berpendapatan rendah mula menunjukkan keupayaan yang lebih rendah untuk membayar balik hutang. Dedahan bank terhadap peminjam kumpulan ini menurun sejak beberapa tahun dan kini mencakupi 19.5% daripada jumlah pinjaman bank kepada isi rumah (2013: 25.1%). Penambahbaikan dalam piawaian pinjaman bukan bank terus mengurangkan bahagian keseluruhan peminjam isi rumah yang lemah kepada 22.6% (2013: 28.4%) daripada jumlah hutang isi rumah daripada bank dan bukan bank.

Kemungkiran isi rumah kekal tidak berubah pada 1.4%, manakala pinjaman terjejas bertambah baik kepada 1.6% daripada

jumlah hutang isi rumah (S1 2016:1.7%). Ini menunjukkan bahawa isi rumah menguruskan kewangan mereka secara aktif, lantas mengehadkan kemungkinan kerugian besar-besaran kepada bank. Ujian tekanan Bank Negara Malaysia terus menunjukkan bahawa penampan modal lebihan bank, yang kini berjumlah RM120.8 bilion, lebih daripada mencukupi untuk menyerap kerugian yang terlalu tinggi dalam senario yang buruk.

Risiko kredit bank daripada dedahan kepada sektor perniagaan adalah terurus. Sejak beberapa tahun kebelakangan ini, beberapa syarikat Malaysia telah meneroka peluang perniagaan di luar negara untuk mempelbagaikan asas pendapatan. Bagi syarikat yang mempunyai operasi yang besar di UK, kesan langsung daripada referendum UK untuk keluar daripada EU adalah terhad. Syarikat-syarikat ini kebanyakannya terlibat dalam pembangunan harta tanah dan projek mereka ini terikat dengan kadar pembelian yang tinggi. Hal ini membendung sebarang kemungkinan kesan limpahan terhadap sistem kewangan domestik.

Kebarangkalian jangkaan mungkir bagi perniagaan bertambah baik sedikit kepada 0.61% (S1 2016: 0.69%), sebahagian besarnya mencerminkan jangkaan permintaan dalam negeri yang lebih baik dan kos input yang rendah. Leveraj agregat perniagaan Malaysia[3], seperti yang diukur oleh nisbah median hutang berbanding ekuiti, terus bertambah baik kepada 41.9% pada S1 2016 (S4 2015: 44.5%).

Keadaan kredit kekal kondusif untuk perniagaan, termasuk PKS. Setakat ini, tiada bukti yang kukuh bahawa pemberian kredit secara keseluruhan semakin ketat. Pada akhir suku kedua, jumlah hutang perniagaan berkembang 6.7% (S1 2016: 7.5%). Peningkatan ini didorong terutamanya oleh dana yang diperoleh lebih tinggi daripada pasaran modal. Pembiayaan bank terkumpul kepada sektor perniagaan berkembang pada kadar yang lebih perlahan (S2 2016: 4.2%; S1 2016: 5.2%). Pertumbuhan ini didorong terutamanya oleh pembiayaan kepada PKS (9.9%). Pinjaman luar negeri oleh perniagaan menurun (S1 2016: RM273.3 bilion; S4 2015: RM289.9 bilion), sebahagian besarnya disebabkan oleh kesan lebih kecil daripada penukaran mata wang asing. Pertumbuhan peminjaman luar negeri baharu hampir tidak berubah. Risiko pembiayaan semula dan pendanaan daripada pinjaman luar negeri terus terhad, dengan lebih 40% daripada peminjaman luar negeri dalam bentuk obligasi antara syarikat oleh syarikat multinasional yang mempunyai operasi di Malaysia. Selain itu, lebih 70% daripada peminjaman luar negeri mempunyai tempoh matang melebihi satu tahun.

Kedudukan kewangan perniagaan kekal kukuh. Median nisbah perlindungan faedah (interest coverage ratio, ICR) ialah 4.2 kali pada suku pertama 2016 (S4 2015: 4.4 kali). Agregat mudah tunai untuk memenuhi obligasi hutang jangka pendek juga kekal utuh. Median nisbah aset semasa kepada liabiliti semasa (nisbah semasa) dan nisbah tunai kepada hutang jangka pendek (cash-to-short-term debt ratio, CASTD) sebahagian besarnya tidak berubah

**Sistem Perbankan: Kualiti Pinjaman**




Sumber: Bank Negara Malaysia

[3] Berdasarkan 160 buah syarikat yang disenaraikan di Bursa Malaysia dengan permodalan pasaran sebanyak 80% (tidak termasuk institusi kewangan) yang merangkum 10 sektor ekonomi utama.

masing-masing pada 1.7 kali dan 1.1 kali (S4 2015: masing-masing 1.7 kali dan 1.2 kali). Walau bagaimanapun, prestasi seluruh industri dan sektor adalah bercampur-campur. Kedudukan kewangan perniagaan dalam sektor berorientasikan eksport terus mampan disokong oleh penampan kewangan yang lebih kukuh dan tahap leveraj yang sederhana. Hal ini berlaku meskipun harga komoditi lemah dan permintaan dunia lembap. Dedahan bank terhadap sektor minyak sawit mentah, serta minyak dan gas, yang mengalami harga komoditi yang rendah, masing-masing mencakupi 3.9% dan 2.1% daripada jumlah dedahan kredit kepada perniagaan. Walau bagaimanapun, perniagaan dalam sektor berorientasikan dalam negeri lebih terjejas akibat permintaan pengguna yang berterusan lemah dan persaingan sengit dalam sektor runcit. Ini menyebabkan pinjaman mungkir dan pinjaman terjejas yang lebih tinggi dalam beberapa sektor berorientasikan dalam negeri, iaitu sektor harta tanah, minyak dan gas, pembinaan serta perdagangan borong dan runcit. Namun, portfolio perniagaan bank secara keseluruhan masih berkualiti tinggi. Nisbah pinjaman terjejas dan pinjaman mungkir tidak berubah, masing-masing pada 2.8% dan 0.4% daripada pemberian pinjaman bank kepada perniagaan pada akhir S2 2016. Dedahan bank kepada peminjam perniagaan besar dengan kewangan yang lemah (ICR bawah dua kali dan CASTD bawah satu kali) kekal terhad pada 6.5% daripada jumlah dedahan kredit sistem perbankan terhadap syarikat.

Pasaran perumahan kekal lembap dalam keadaan sentimen pengguna yang lebih berhati-hati. Jumlah transaksi perumahan, dari segi jumlah dan nilai, menurun masing-masing sebanyak 16.6% kepada 49,612 unit (S4 2015: -3.1% kepada 58,859 unit) dan 9.5% kepada RM16.2 bilion (S4 2015: -4.1% kepada RM19.3 bilion) pada suku pertama 2016. Penurunan ini merentas semua segmen harga rumah, terutamanya di negeri utama seperti Selangor, Johor dan Pulau Pinang. Melangkah ke hadapan, permintaan terhadap rumah mampu milik akan terus menyokong pasaran perumahan, dan pada masa yang sama menggalakkan peralihan yang berterusan dalam penawaran segmen harga rendah hingga sederhana. Selaras dengan trend ini, kegiatan spekulasi dalam pasaran perumahan kekal lemah. Jumlah peminjam dengan sekurang-kurangnya tiga pinjaman perumahan terkumpul berkembang pada kadar tahunan yang lebih perlahan pada 1.9% pada S2 2016 (S1 2016: 2.4%). Jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan dalam tempoh tiga tahun (sebagai proksi untuk peminjam yang terlibat dalam pembelian dan penjualan spekulatif) kekal stabil pada 10.8% daripada jumlah pinjaman perumahan yang diselesaikan pada suku kedua (S1 2016: 12.0%).

## Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur

Keadaan pasaran kewangan domestik kekal teratur sepanjang suku kedua. Kesan keputusan referendum berkaitan dengan EU di UK terhadap pasaran kewangan domestik adalah terhad dan bersifat sementara. Pasaran bon kerajaan, bon korporat dan wang kekal stabil. Turun naik dalam pasaran pertukaran asing ringgit adalah lebih tinggi daripada biasa sekitar masa yang hampir dengan keputusan referendum EU dan sebaik sahaja keputusan diumumkan. Walau bagaimanapun, turun naik pasaran akhirnya reda apabila mudah tunai terus disokong oleh peserta pasaran kewangan. Bagi suku kedua secara keseluruhan, turun naik purata bagi kadar hasil MGS 10 tahun dan FBM KLCI adalah lebih rendah (S2 2016: masing-masing 9.5% dan 9.9%; S1 2016: masing-masing 13.5% dan 11.3%). Ini meneruskan trend sejak bulan Oktober 2015. Pelaburan portfolio mencatat aliran masuk bersih yang kecil sebanyak RM77 juta (S1 2016: aliran masuk bersih RM13.1 bilion) apabila aliran masuk bukan pemastautin yang lebih tinggi ke dalam pasaran bon kerajaan diimbangi oleh aliran keluar bukan pemastautin daripada pasaran ekuiti serta pelaburan di luar negeri oleh pelabur institusi domestik.

**Pasaran Kewangan: Indeks Tekanan Pasaran Kewangan (FMSI)**




Nota: FMSI ialah alat pemantauan risiko pasaran kewangan yang dibangunkan berdasarkan Penunjuk Komposit Indeks Tekanan European Central Bank (ECB). Indeks ini dibangunkan berdasarkan turun naik dalam lima komponen pasaran kewangan domestik - pertukaran asing, ekuiti, bon, wang dan institusi kewangan. Tahap tekanan pada tarikh tertentu dinyatakan sebagai satu nilai antara 0 hingga 100, yang menunjukkan tahap tekanan dari paling rendah ke paling tinggi.

Sumber: Bloomberg dan pengiraan dalaman

Bukan pemastautin terus menunjukkan minat terhadap pasaran kewangan Malaysia. Pada akhir suku kedua, bukan pemastautin memegang kira-kira separuh daripada jumlah MGS terkumpul (49.8%; S1 2016: 48.7%). Sebanyak 59.1% daripada pemegangan ini terdiri daripada MGS dengan tempoh matang sehingga 5 tahun. Sejajar dengan itu, kadar hasil bagi MGS 3, 5 dan 10 tahun masing-masing menurun kepada 3.15%, 3.37% dan 3.74% (S1 2016: masing-masing 3.21%, 3.43% dan 3.80%). FBM KLCI mengakhiri suku itu lebih rendah pada 1,654.1 mata (S1 2016: 1,717.6 mata). Ini didorong sebahagian besarnya oleh prestasi beberapa syarikat yang lebih lemah dan ketidaktentuan yang berterusan dalam dasar monetari AS. Nisbah harga berbanding perolehan (PE) FBM KLCI menurun kepada 18.2 kali pada suku kedua (S1 2016: 19.2 kali) tetapi kekal melebihi nisbah PE purata 10 tahun pada 16.2 kali. Pemegangan ekuiti oleh bukan pemastautin mencakupi 22.8% daripada jumlah permodalan pasaran (S1 2016: 23.0%).

Jumlah dagangan adalah lebih tinggi. Spread bida-tawar tidak berubah pada 0.1% daripada harga pertengahan bagi MGS dan 0.4% daripada harga pertengahan bagi FBM KLCI. Purata nisbah pusing ganti bulanan ialah 14.9% bagi MGS dan 2.1% bagi FBM KLCI (S1 2016: masing-masing 11.9% dan 2.0%). Dalam pasaran mata wang, ringgit menyusut nilai sebanyak 2.5% berbanding dengan dolar AS untuk mengakhiri suku tersebut pada RM4.0225 bagi setiap dolar AS (S1 2016: RM3.9220). Spread swap mungkir kredit kerajaan 5 tahun meningkat sedikit kepada 156.1 mata asas (S1 2016: 153.9 mata asas; S3 2015: 238.9 mata asas), manakala spread swap asas mata wang bersilang 5 tahun meningkat kepada 83 mata asas (S1 2016: 73 mata asas). Walau bagaimanapun, paras ini masih rendah berbanding dengan paras yang dicatat pada S3 2015 (115 mata asas) apabila ringgit berada pada tahap paling lemah berbanding dengan USD dalam tahun-tahun kebelakangan ini.

## Institusi kewangan terus kukuh dan berdaya tahan

Tahap permodalan institusi kewangan kekal kukuh. Nisbah modal ekuiti biasa kumpulan 1 sistem perbankan adalah pada 12.9%, manakala nisbah modal kumpulan 1 dan nisbah jumlah modal masing-masing pada 13.9% dan 16.4%. Lebih 90% daripada modal sistem perbankan terdiri daripada perolehan tertahan, modal berbayar dan rizab dengan keupayaan teguh untuk menyerap kerugian. Nisbah kecukupan modal bagi sektor insurans dan takaful juga kekal tinggi pada 228.1% (S1 2016: 242.6%). Pada akhir suku kedua, penampan modal institusi kewangan yang digabungkan berjumlah RM153.8 bilion.

**Sistem Perbankan: Permodalan Basel III**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Sektor Insurans dan Takaful: Penunjuk**

| | 2015 | | 2016 | | |
|---|---|---|---|---|---|
| | S2 | ST1 | S1 | S2 | ST1 |
| | RM juta | | | | |
| **Insurans hayat & takaful keluarga** | | | | | |
| *Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan* | 1,844 | 7,180 | 4,703 | 2,668 | 7,371 |
| **Insurans am & takaful am** | | | | | |
| *Keuntungan kendalian* | 682 | 1,463 | 821 | 810 | 1,631 |
| *Nisbah tuntutan (%)* | 64.9 | 57.4 | 54.0 | 56.5 | 55.3 |
| | Perubahan Tahunan (%) | | | | |
| **Insurans hayat & takaful keluarga** | | | | | |
| *Lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan* | -59.8 | -8.0 | -11.9 | 44.7 | 2.7 |
| **Insurans am & takaful am** | | | | | |
| *Keuntungan kendalian* | -15.2 | -10.1 | 5.1 | 18.8 | 11.5 |
| *Nisbah tuntutan (mata peratusan)* | 6.0 | 0.4 | 3.7 | -8.3 | -2.2 |

Sumber: Bank Negara Malaysia

Perolehan kekal kukuh dalam keadaan prestasi pembiayaan yang lebih sederhana. Margin faedah/pembiayaan sistem perbankan selepas ditolak kos operasi dan peruntukan kerugian kekal stabil pada 0.56 mata peratusan (S1 2016: 0.55 mata peratusan) manakala pulangan atas aset dan ekuiti masing-masing meningkat kepada 1.4% dan 13.2% (S1 2016: masing-masing 1.3% dan 12.4%). Keuntungan sebelum cukai sistem perbankan meningkat kepada RM9 bilion (S1 2016: RM7.7 bilion) disebabkan oleh pendapatan faedah bersih yang berterusan daripada aktiviti pembiayaan dan pendapatan dividen yang lebih tinggi daripada syarikat subsidiari. Pendapatan daripada aktiviti perbendaharaan dan berasaskan fi lebih rendah pada suku tersebut.

Dalam sektor insurans dan takaful, penanggung insurans am dan pengendali takaful mencatat keuntungan operasi yang lebih rendah iaitu sebanyak RM809.6 juta (S1 2016: RM821.0 juta) disebabkan oleh nisbah tuntutan yang lebih tinggi, terutamanya bagi insurans kebakaran dan motor. Sebaliknya, pasaran ekuiti yang lebih lemah terus memberi kesan kepada prestasi penanggung insurans hayat dan pengendali takaful keluarga. Ini menyebabkan lebihan pendapatan berbanding perbelanjaan adalah lebih rendah sebanyak RM2.7 bilion (S1 2016: RM4.7 bilion).

Dedahan risiko pasaran institusi kewangan adalah pada paras yang terurus, disokong oleh strategi pengurusan risiko dan perlindungan

**Sektor Insurans: Permodalan**




Sumber: Bank Negara Malaysia

**Sistem Perbankan: Keberuntungan**




Sumber: Bank Negara Malaysia

nilai yang aktif. Dedahan bank kepada risiko kadar faedah dalam akaun dagangan dan risiko ekuiti masing-masing mencakupi 1.2% dan 0.9% daripada jumlah modal (S1 2016: masing-masing 1.1% dan 0.8%). Kedudukan terbuka bersih pertukaran asing bank ialah 7.2% daripada jumlah modal (S1 2016:

**Sistem Perbankan: Nisbah Perlindungan Mudah Tunai Basel III**




Sumber: Bank Negara Malaysia

6.5%), dengan bank terus mengurus dedahan pertukaran asing secara aktif dalam keadaan turun naik ringgit. Bagi industri insurans dan takaful, dedahan risiko pasaran meningkat sedikit kepada 13.7% (S1 2016: 13.1%) daripada jumlah modal tersedia, didorong sebahagian besarnya oleh peningkatan risiko kadar faedah. Risiko ekuiti, yang merupakan sebahagian besar daripada dedahan risiko pasaran penanggung insurans pada amnya kekal stabil pada 7.4% (S1 2016: 7.3%) daripada jumlah modal tersedia.

Mudah tunai dalam sistem perbankan kekal lebih daripada mencukupi untuk menyokong aktiviti pengantaraan. Jumlah penempatan dan repo berbalik sistem perbankan dengan Bank Negara Malaysia serta keperluan rizab berkanun ialah RM178.5 bilion. Jumlah ini merupakan jumlah yang boleh dilupuskan untuk memenuhi keperluan mudah tunai bank. Nisbah Perlindungan Mudah Tunai (Liquidity Coverage Ratio, LCR)[4] Basel III sistem perbankan ialah 125% (S1 2016: 126%), jauh melebihi keperluan pengawalseliaan minimum semasa sebanyak 70%. Sebanyak 44 bank mencatat tahap LCR melebihi 100%.

Keadaan pendanaan domestik terus bertambah baik pada suku kedua. Persaingan untuk deposit korporat reda berikutan penurunan dalam keperluan rizab berkanun pada bulan Februari. Kadar deposit tetap yang disebut 1 bulan dan 3 bulan untuk pendeposit syarikat besar jatuh antara 5 hingga 40 mata asas pada suku tersebut. Secara keseluruhan, kos deposit purata tidak berubah pada 2.55% manakala KLIBOR 3 bulan menurun kepada 3.65% (S1 2016: 3.71%). Secara agregat, deposit sistem perbankan lebih rendah sedikit (S2 2016: -0.5%; S1 2016: -0.9%). Ini sebahagiannya mencerminkan penurunan dalam deposit korporat dan institusi kewangan bukan bank (S2 2016: masing-masing -0.8% dan -1.7%; S1 2016: masing-masing -4.2% dan 1.8%) disebabkan oleh pelaburan berterusan dalam kelas aset lain. Termasuk akaun pelaburan Islam[5], jumlah pendanaan bank mencatat pertumbuhan 3.4% pada suku kedua (S1 2016: +2.3%).

Walaupun struktur pendanaan bank kebanyakannya masih berasaskan deposit (69.8% daripada jumlah pendanaan) dan dalam mata wang tempatan (92.1% daripada jumlah deposit), bank telah mempelbagaikan struktur pendanaan mereka dalam tempoh kebelakangan ini. Ini sebahagiannya mencerminkan pendalaman kewangan dan usaha bank untuk mengecilkan ketidakpadanan kematangan dalam struktur pendanaan. Jumlah instrumen jangka sederhana dan panjang terkumpul dalam denominasi ringgit dan mata wang asing yang dikeluarkan oleh bank meningkat pada kadar tahunan 5% (S1 2016: +12%) kepada RM100 bilion. Pada masa ini, instrumen jangka sederhana seperti itu mencakupi 4.2% daripada jumlah pendanaan sistem perbankan. Dengan mengambil kira asas pendanaan yang

[4] LCR Basel III diperkenalkan secara berperingkat sejak bulan Jun 2015, dengan pematuhan awal ditetapkan pada 60% dan kenaikan secara beransur-ansur sebanyak 10% setiap tahun sehingga 100% berkuat kuasa tahun 2019. Keperluan minimum semasa ditetapkan pada 70%.

[5] Di bawah Akta Perkhidmatan Kewangan Islam 2013, institusi perbankan Islam diwajibkan mengklasifikasikan semula deposit Islam di bawah Akta Bank Islam 1983 yang dimansuhkan ke dalam akaun deposit dan akaun pelaburan Islam. Tempoh peralihan selama dua tahun diberikan kepada institusi perbankan untuk memastikan proses pengelasan semula yang lancar dan berkesan. Tempoh peralihan ini berakhir pada 30 Jun 2015.

lebih luas, nisbah pinjaman berbanding dana kekal stabil pada 82.6% (S1 2016: 82.6%).

Liabiliti luaran bersih bank adalah lebih kecil pada RM128 bilion pada akhir S1 2016 (S4 2015: RM139 bilion), didorong terutamanya oleh peminjaman antara bank yang sederhana. Bank-bank Malaysia mempunyai dedahan yang kecil terhadap pihak lain yang berkenaan (counterparties) di UK, masing-masing kira-kira 1% daripada jumlah aset dan liabiliti sistem perbankan. Ini mengehadkan risiko penularan dalam negeri disebabkan oleh perkembangan di UK. Dedahan melalui saluran mata wang juga terbendung apabila tuntutan luaran dalam denominasi paun sterling hanya mencakupi 7% daripada jumlah modal sistem perbankan.